



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Cuti Y.B. Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad—Kebenaran
[Ruangan 889]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 889]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1979 [Ruangan 915]

USUL-USUL:

Memilih Timbalan Yang di-Pertua [Ruangan 915]

Anggaran Pembangunan, 1979 [Ruangan 915]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching)

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

„ Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, 'S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

- Yang Berhormat TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAI BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR. TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR. TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Isnin, 23hb Oktober, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

 PENGUMUMAN
 TUAN YANG DI-PERTUA

 CUTI Y.B. TUAN HAJI HASSAN ADLI
 BIN HAJI ARSHAD—KEBENARAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu bahawa pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti di bawah Perkara 52, Perlembagaan kepada Yang Berhormat Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad, Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Bagan Datok, selama dua tahun mulai daripada esok, 24hb Oktober, 1978.

 JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
 BAGI PERTANYAAN-
 PERTANYAAN

 HARTA MENTERI/TIMBALAN/
 SETIAUSAHA PARLIMEN

1. **Tuan Lee Kaw** minta Perdana Menteri menyatakan samada setiap Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen telah mengisytiharkan hartanya dan samada sebarang semakan dibuat untuk menentukan samada mereka yang berkhidmat lebih dari satu penggal telah mengumpulkan wang, harta atau pendapatan yang banyak semasa mereka memegang jawatan tersebut.

Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn): Tuan Yang di-Pertua, bahagian yang pertama soalan ini adalah sama maksudnya dengan soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Ipoh yang telah saya jawab pada 17hb Oktober yang lalu.

Berkenaan dengan bahagian kedua soalan ini, senarai harta dan saham yang dikemukakan oleh Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen adalah saya semak dari masa ke semasa. Pada keseluruhannya, mereka yang berkhidmat lebih dari satu penggal tidaklah mengumpulkan wang, harta atau pendapatan yang banyak.

Tuan Lee Kaw: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini semakan yang dicadangkan itu adakah tiap-tiap enam bulan atau tiap-tiap setahun sekali diadakan supaya tiap-tiap Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen boleh dipastikan bahawa mereka tidak mengumpul harta-benda baik secara korapsi atau secara haram supaya kepercayaan rakyat terhadap kejujuran seseorang Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen boleh dipulihkan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah memberi keterangan berkenaan dengan perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, berkenaan masa dan tempoh Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen menghantarkan senarainya.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya dapat keterangan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apakah sebabnya senarai-senarai harta-harta berkenaan Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen tidak ditunjukkan di dalam Parlimen untuk makluman Ahli-ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua: Ini sudah dijelaskan dalam soalan minggu yang lalu. Ini bukan untuk pengetahuan umum. Kalau itu lainlah, ini soalan lain.

Tuan V. David: Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi jaminan kepada Dewan ini pada masa akan datang boleh bawa satu pindaan kepada undang-undang atau akta di mana semua Ahli-ahli Parlimen mesti mahu sumpah hartanya sebelum menjadi Ahli Parlimen.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara ini sudah ada usul kelmarin dan usul itu sudah ditolak.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

KERJA KOSONG—PENGAMBILAN PEKERJA

2. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri memberi sebab-sebab mengapa terdapat 80,000 kerja kosong di Jabatan-jabatan Kerajaan, satu angka yang tinggi, samada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam memerlukan modenisasi dan samada beliau akan menentukan pengambilan pekerja-pekerja untuk memenuhi 80,000 kerja kosong ini akan mencerminkan ciri-ciri berbilang bangsa masyarakat kita.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Seremban, kekosongan jawatan-jawatan di dalam Jabatan-jabatan Kerajaan pada bulan Jun tahun ini ialah sebanyak 44,280 jawatan.

Bagi mengatasi kedudukan ini, langkah-langkah telahpun diambil untuk mempercepatkan pengambilan kakitangan oleh Suruhanjaya-suruhanjaya dan Ketua-ketua Jabatan yang berkenaan. Salah satu langkah yang akan diambil oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam khususnya, ialah pemindaan ke atas borang SPA—1 yang digunakan pada masa ini dengan tujuan bagi mengurangkan masa untuk memproses borang-borang itu. Penggunaan borang-borang baru ini dijangka akan dilaksanakan dalam awal tahun 1979. Tambahan pula, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sedang mengkaji dan akan menimbang kegunaan sistem komputer bagi menambahkan keupayaannya dalam proses pengambilan kakitangan.

Mengenai pengambilan pekerja-pekerja pula, dan sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa pengambilan kakitangan yang dijalankan adalah berdasarkan kepada kebolehan, kelayakan dan kesesuaian calon-calon yang ditemuduga bagi sesuatu jawatan di samping mencerminkan ciri-ciri berbilang bangsa masyarakat kita.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi jaminan kepada Dewan ini kalau mengambil kakitangan di dalam Jabatan Kerajaan adakah berdasarkan merit ataupun kriteria. Bolehkah dengan hanya jaminan kriteria ataupun merit, lain tidak ada.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya mengulang jawapan saya, boleh jadi Ahli Yang Berhormat itu tidak faham, bahawa di dalam pengambilan kakitangan yang dijalankan pada masa ini adalah berdasarkan kepada kebolehan, kelayakan dan kesesuaian calon-calon yang ditemuduga bagi sesuatu jawatan di samping mencerminkan ciri-ciri berbilang bangsa masyarakat kita.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan. Apakah sebab anggaran yang ditunjukkan oleh Setiausaha Parlimen tidak sama dengan anggaran yang ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Ini pada akhir Jun. Jumlah baru yang disebut oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ialah akhir Jun tahun ini. Ini angka yang terakhir sekali. Tidak payahlah jawab lagi.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Memandangkan Malaysia sangat kekurangan tenaga yang terlatih dan berkemahiran umpamanya kita masih kekurangan 80,000 orang

Tuan Yang di-Pertua: Ini angka baru, sekarang bukan 80,000 lagi. Yang betulnya 24,000.

Tuan Chan Teck Chan: Juga di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, kita juga memerlukan lebih kurang 1,000 tenaga yang terlatih untuk melaksanakan segala projek pembangunan sosio-ekonomi, maka adakah

Setiausaha Parlimen berkenaan akan menimbangkan untuk mengambil rakyat Malaysia yang mempunyai kelayakan dalam bidang-bidang yang tertentu seperti lepasan-lepasan daripada Nanyang Universiti, Formosa ataupun daripada Timur Tengah supaya masalah kekurangan tenaga manusia ini boleh diatasi.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, itu saya fikir soalan lain.

Tuan Yang di-Pertua: Hubungannya ada. Tetapi sebenarnya Yang Berhormat Menteri Pelajaran sudah jawab, tidak diterima kelulusan itu atau tidak diakui.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan. Saya mendapat keterangan daripada banyak orang professional seperti engineer dan lain-lain, mereka terpaksa menunggu beberapa tahun untuk mencari kerja. Adakah sebab kalau banyak tempat kosong, orang ini tidak ada tempat untuk diberi kerja?

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Maaf, saya tidak dengar soalan bahagian pertama.

Tuan Yang di-Pertua: Ulang semula Ahli Yang Berhormat.

Dr Chen Man Hin: Saya sendiri mendapat tahu ada beberapa orang professional seperti engineer dan akitek serta lain-lain iaitu mereka terpaksa menunggu beberapa tahun untuk mendapat satu kerja. Apakah sebabnya kalau ada banyak kekosongan seperti ini, mereka tidak diterima.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya soal samada kurang atau banyak itu merupakan soalan yang am sebenarnya. Pada pandangan saya memang ada kerja-kerja yang kosong, dan memang ada kelewatan. Jadi kelewatan itu pun saya sudah jelaskan, kita sedang ambil tindakan untuk mempercepatkan sedikit dan perkara ini masih dalam tindakan SPA.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Sungguhpun Malaysia sedang kekurangan engineer dan lain-lain, tetapi apakah sebabnya ada sebahagian jurutera-jurutera lepasan daripada Jerman Barat yang mendapat biasiswa masih tidak dapat ditawarkan kerja dengan Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Seremban tadi.

Tuan Chan Teck Chan: Jawapannya tidak memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua: Masalah puas tidak puas itu, bukan Dewan ini tentukannya.

PENJIMATAN MINYAK

3. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan apakah dasar Malaysia mengenai simpanan minyak yang besar kemungkinan dari negara kita ini akan habis dalam tempoh yang tertentu pada masa akan datang. Nyatakan sejauh manakah usaha Kerajaan sekarang ini dalam kajian, kemungkinan merancangkan satu polisi "penjimatan minyak" sesuai dengan objektif utama untuk melindungi kepentingan negara.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan mengenai simpanan minyak kita adalah supaya ada keseimbangan di antara usaha-usaha kita untuk:

- (1) menentukan bahawa bekalan minyak petrol dan bahan-bahan petrol yang lain adalah mencukupi untuk keperluan negara dan mempunyai harga yang berpatutan.
- (2) memperbaiki iklim pelaburan di negara ini dengan menggalakkan perusahaan-perusahaan petrokimia dan perusahaan-perusahaan yang menggunakan banyak tenaga (energy); dan
- (3) menjimatkan sumber minyak petroleum kita yang semakin bersusutan.

Pengeluaran minyak mentah tempatan adalah secara purata 200 ribu tong sehari. Berdasarkan kepada kadar pengeluaran ini, dan sekiranya sumber minyak yang baru tidak dijumpai, maka simpanan minyak (oil reserve) kita diramalkan akan habis dalam tempoh tiga belas tahun. Memandangkan bahawa minyak merupakan sumber tenaga yang strategik dan semakin menyusut, maka dasar Kerajaan adalah untuk mengurus dan mengawasi pengeluaran minyak bagi menentukan bahawa bekalan minyak kita akan mencukupi untuk sekarang dan juga bagi masa yang akan datang.

Kerajaan sedar perlunya sumber minyak itu dijimatkan, dan Kerajaan adalah sentiasa memberi perhatian berat terhadap pemeliharaan sumber-sumber minyak kita seperti yang saya sebutkan tadi. Majlis Penasihat Petroleum Kebangsaan sekarang ini sedang merangkakan satu dasar negara mengenai Tenaga (Energy). Segala aspek tentang penjimatan minyak, seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, adalah di dalam perhatian Majlis Penasihat itu, di dalam menyediakan dasar negara mengenai Tenaga. Selain daripada itu, memandangkan kepada pentingnya Tenaga untuk perkembangan ekonomi dan juga pembangunan sosio-ekonomi negara kita, maka Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kabinet Mengenai Tenaga (Energy).

Dari keterangan saya ini nyatalah bahawa Kerajaan bukan sahaja telah mengambil langkah mengenai penjimatan minyak, tetapi Kerajaan telah juga mengambil perhatian berat mengenai masalah Tenaga pada keseluruhannya.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Memandangkan minyak adalah merupakan satu punca tenaga yang penting bagi Malaysia maka bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini bahawa apakah langkah-langkah yang berkesan telah diambil oleh Kerajaan untuk meletakkan minyak di bawah kawalan Kerajaan kita supaya bukan sahaja bekalannya akan terjamin demi kepentingan ekonomi negara kita juga harganya dan juga simpanannya adalah berasaskan pada kepentingan ekonomi Malaysia.

Perdana Menteri: Saya telah jawab soalan ini.

CUTI AM BAGI HARI KEPUTERAAN NABI MUHAMMAD (S.A.W.)

4. Wan Zainab binti M. A. Bakar minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan bahawa Hari Keputeraan Nabi Muhammad s.a.w. ialah cuti am seluruh negara oleh kerana ugama Islam ialah ugama rasmi negara ini, adakah beliau sedar bahawa kilang-kilang perusahaan dan Tentera Udara Di Raja Australia di dalam negara ini tidak mengiktirafnya sebagai satu cuti am dan telah enggan membenarkan pekerja-pekerja mereka pergi bercuti; jika ya, apakah tindakan beliau telah ambil ke atas perkara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Sri Haji Kamaruddin bin Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, di bawah Ordinan Kerja, 1955 yang berkuatkuasa di masa ini, pekerja-pekerja adalah berhak diberi cuti bergaji 7 hari kelepasan am yang diwartakan, dalam satu tahun. Akan tetapi peruntukan tersebut tidak menetapkan hari-hari cuti mana yang patut diambil. Mengikut amalnya penentuan hari-hari cuti ini adalah dipersetujui oleh kedua-dua pihak majikan dan pekerja-pekerja.

Oleh kerana kita mempunyai hari kelepasan am sebanyak lebih dari 15 hari dalam setahun, maka mungkin syarikat-syarikat yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah tidak memilih Hari Keputeraan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai Hari Cuti.

Mengenai pekerja-pekerja dengan Tentera Udara Di Raja Australia (R.A.A.F.) di Butterworth pula, pihak R.A.A.F. (Australia) di Butterworth telah memberi jaminan akan mencadangkan kepada Kerajaan Australia supaya menjadikan atau mengiktiraf Hari Keputeraan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai hari cuti am.

MEMAKAI SONGKOK BAGI HAKIM-HAKIM

5. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (di bawah S.O. 24 (2)) minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau bercadang supaya semua Hakim-hakim Mahkamah Tinggi memakai songkok dan tidak memakai wig seperti yang telah dilakukan oleh Datuk Hashim bin Yeop Abdullah Sani kerana pemakaian wig ini adalah haram menurut ugama Islam berdasar sepotong hadith sahih yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari yang menerangkan bahawa memakai CEMARA itu adalah haram di sisi Islam.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pemakaian wig dan lain-lain pakaian Hakim Mahkamah Tinggi adalah termasuk di bawah takrif tingkahlaku Hakim-hakim. Mengikut Perkara 127 Perlembagaan Persekutuan, perkara ini tidak boleh dipersoal atau dibincangkan dalam Parlimen melainkan mengikut cara yang diperuntukkan di dalam Perkara 127 Perlembagaan Persekutuan itu.

ISTILAH "BUMIPUTRA"

6. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan samada orang-orang Muslim yang bukan Melayu dianggap sebagai "Bumiputra" oleh Kerajaan dalam Dasar Ekonomi Barunya untuk membetulkan ketidakseimbangan ekonomi di dalam negara kita.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, istilah "Bumiputra" adalah jelas maksudnya seperti terdapat di dalam Perkara 161A Fasal (6) dan (7) Perlembagaan Persekutuan, iaitu:

Fasal (6): "Dalam Perkara ini "Bumiputra" ertinya—

(a) mengenai Sarawak, seseorang warganegara dan ianya adalah seorang dari mana-mana satu kaum yang dinyatakan dalam Fasal (7) sebagai kaum asli Negeri itu atau ianya adalah seorang yang berketurunan campuran yang berasal hanya daripada kaum-kaum itu; dan

(b) mengenai Sabah, seseorang warganegara dan ianya adalah anak atau cucu kepada seseorang dari suatu kaum asli Sabah, dan telah lahir (samada atau tidak pada atau selepas Hari Malaysia) di Sabah atau bapanya, pada masa ia lahir itu, adalah berdomisil di Sabah."

Fasal (7) menerangkan kaum-kaum yang disifatkan sebagai "asli".

Fasal (7): "Kaum-kaum yang akan disifatkan sebagai asli bagi Sarawak bagi maksud-maksud takrif "Bumiputra" dalam Fasal (6) ialah Bukitan, Bisayah, Dusun, Dayak Laut, Dayak Darat, Kadayan, Kalabit, Kayan, Kenyah (termasuk Sabup dan Sipeng), Kajang (termasuk Sekapan, Kejaman, Lehanan, Punan, Tanjong dan Kanowit), Lugat, Lisum, Melayu, Melano, Murut, Penan, Sian, Tagal, Tabun dan Ukit."

Tuan Yang di-Pertua, di dalam konteks Dasar Ekonomi Baru, istilah yang digunakan adalah "orang-orang Melayu dan Bumiputra lain" atau dalam Bahasa Inggeris "the Malays and other indigenous people". Yang dimaksudkan dengan orang Melayu adalah seperti yang dinyatakan di dalam Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan, iaitu seseorang yang menganuti ugama Islam, lazim bercakap Bahasa Melayu dan mengamalkan adat istiadat Melayu. Yang dimaksudkan dengan istilah "Bumiputra" pula adalah seperti yang dinyatakan di dalam Perkara 161A Fasal (6) dan (7) Perlembagaan Persekutuan, iaitu seseorang warganegara terdiri dari kaum asli negeri Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, menurut peruntukan-peruntukan Perlembagaan sebagaimana yang telah saya huraikan itu, maka seseorang bukan Melayu (selain daripada kaum-kaum asli di negeri Sabah dan Sarawak), yang Muslim tidaklah termasuk dalam istilah "Bumiputra".

ELAUN GALAKAN/ELAUN SEBERANGLAUT (INDUCEMENT/OVERSEAS ALLOWANCES)

7. Datuk Stephen R. Evans minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar bahawa Pegawai-pegawai Kerajaan dari Semenanjung Malaysia adalah dibayar Elaun Galakan dan Elaun Seberanglaut apabila berkhidmat dalam Negeri Sabah dan Sarawak tetapi Pegawai-pegawai Kerajaan dari Negeri Sabah dan Sarawak tidak pula diberi keistimewaan ini apabila mereka berkhidmat di Semenanjung Malaysia; jika sedar, mengapa.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai daripada 1hb Julai, 1978, Kerajaan telah memansuhkan pembayaran Elaun Khas kepada pegawai-pegawai dari Semenanjung yang bertukar dari Sabah atau Sarawak ataupun pegawai-pegawai dari Sabah dan Sarawak yang bertukar ke Semenanjung. Elaun Khas yang saya sebutkan itu ialah satu bentuk elaun yang termasuk unsur kos belanja hidup dan unsur galakan. Walau bagaimanapun, memandangkan kos belanja hidup yang lebih di Sabah dan Sarawak berbanding dengan Semenanjung, Elaun Wilayah masih terus dikuatkuasakan bagi pegawai-pegawai, samada Persekutuan atau Negeri, yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak.

Sukalah saya juga menjelaskan bahawa sebenarnya hanya pegawai-pegawai Kerajaan yang dihantar berkhidmat di luar negeri sahaja yang dibayar Elaun Seberang Laut.

LESEN MEMANDU—HAD UMUR

8. Puan Yong Fatimah binti Md. Razali minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kerajaan akan meninggikan kelayakan umur untuk mendapat lesen memandu dari 17 kepada 21 tahun dan jika tidak, mengapa.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian saya tidak bercadang untuk menaikkan had umur mendapat lesen memandu. Walau bagaimanapun Kementerian saya akan mengkaji soal samada hendak meningkat lagi had umur ini atau tidak.

LALULINTAS DI BANDARAYA

9. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa pengguna jalanraya khususnya di Bandaraya Kuala Lumpur tidak mengendahkan peraturan lalulintas, melintas dengan sesuka hatinya; menyebabkan kelicinan lalulintas tergendala, samada masanya telah tiba untuk mendisiplinkan orangramai dengan mengenakan denda apabila melanggar peraturan lalulintas samada pemandu ataupun pejalan kaki yang mana difikirkan akan memberi kesedaran sivik sepenuhnya seperti yang terbukti di setengah-setengah negara. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, semua pihak adalah menyedari akan kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur sekarang ini dan Polis Bandaraya sememangnya telah mengambil langkah-langkah yang tegas bagi mengatasi masalah ini. Tindakan-tindakan penguatkuasaan Undang-undang telah digiatkan lagi dan denda kompaun yang dikenakan kepada pesalah-pesalah trafik telahpun ditinggikan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak bulan Januari sehingga akhir bulan Ogos, 1978 sejumlah 51,610 kes telah disaman dan dari jumlah ini sebanyak 16,128 telah dikemukakan ke mahkamah.

Dari bulan Januari hingga akhir bulan September, 1978 sejumlah \$1,218,990 telah dikutip hasil pungutan kompaun dan denda berjumlah \$468,884 pula telah dikenakan oleh mahkamah atas kes-kes tadi.

Di samping gerakan-gerakan menguatkuasakan Undang-undang lalulintas tadi pihak Polis bersama-sama dengan pihak berkuasa Kerajaan yang lain dan juga pihak-pihak swasta telah menggembeling tenaga untuk tujuan mengurangkan dan memben-teraskan kesalahan lalulintas melalui Majlis Keselamatan Jalanraya. Melalui Majlis ini usaha-usaha telah diadakan bagi mendidik dan memberi ceramah-ceramah kepada murid-murid sekolah, Persatuan-persatuan Pengangkutan dan juga orang ramai dengan tujuan mengasuh dan menjaga disiplin dan keselamatan di jalanraya. Kempen-kempen jalanraya telah juga diadakan menerusi mass-media.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Apakah tindakan akan diambil oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk meng-hentikan sebahagian Pegawai-pegawai Polis dan Trafik dan untuk menjalankan tugasnya di tempat-tempat yang senang menarik perhatian orang ramai khususnya pengguna-pengguna jalan, kerana saya dapati ada sebahagian Polis-polis Trafik selalu suka bersembunyi di tempat-tempat yang tidak pula menarik perhatian orang ramai. Bila sesuatu kesilapan dilakukan oleh pemandu kereta maka bayaran wang kopi rate boleh diselesaikan di tempat yang susah didapati

Tuan Yang di-Pertua: Adakah bukti buat tuduhan ini?

Tuan Chan Teck Chan: Oh! Saya ada nampak di negeri Melaka.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau ada bukti, buat usul lain.

Tuan Chan Teck Chan: Ya, saya ada nampak beberapa kes.

Tuan Yang di-Pertua: Sabar dahulu! Bila saya bercakap, jangan Yang Berhormat bercakap juga. Dua orang bercakap mana boleh dengar—duduk! Berapa kali saya kata, kalau saya sedang bercakap jangan dua orang bercakap—siapa yang dengar? Masih tidak faham juga lagi. Kalau hendak buat tuduhan itu, jangan buat soalan tambahan. Sesuatu tuduhan itu bila dicakapkan, lepas

itu akan diambil tindakan. Kalau Ahli Yang Berhormat itu tidak boleh memberikan bukti, saya beri amaran ini dan ingatan ia akan dibawa kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan (Committee of Privileges) dan ambil tindakan ke atas Ahli Yang Berhormat yang mana membuat satu kenyataan yang tidak berasas. Ini ingatan saya.

Tuan Chan Teck Chan: Kerana saya ditanya, saya memberikan penjelasan. Saya minta maaf, kerana soal ini telah dikemukakan oleh saya. Saya kata saya ada nampak beberapa kes di negeri Melaka, perkara ini saya anggap amat serius dengan sebab itu saya hendak bertanya, apakah tindakan akan diambil oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberhentikan perkara-perkara ini supaya Polis-polis Trafik boleh dikehendaki menjalankan tugasnya di tempat-tempat yang sesuai dan jangan menyembunyikan diri sendiri.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah sentiasa diambil untuk menempatkan Polis-polis Trafik ini di tempat-tempat yang berkenaan, khususnya di tempat yang sesak sepertimana di Bandaraya Kuala Lumpur ini, begitu juga saya percaya di lain-lain bandar. Usaha-usaha juga sedang diambil untuk menambah lagi keanggotaan Polis Trafik dalam bandar/khususnya dalam Bandaraya Kuala Lumpur ini juga.

Berhubung dengan tuduhan Ahli Yang Berhormat tadi, saya percaya sekiranya ada bukti, bolehlah kemukakan kepada pihak yang berkenaan.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Kementerian beliau pernah mencadangkan kepada Bandaraya Kuala Lumpur untuk membina lebih banyak lagi jejambat-jejambat di tempat-tempat lalulintas yang sesak dan sebok sebagai satu langkah positif untuk mengatasi masalah yang timbul daripada orang ramai khasnya pejalan-pejalan kaki yang melintas jalan sesuka hati.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum rancangan-rancangan bagi membaiki kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur ini sentiasa diberi cadangan oleh pihak Polis Trafik di Kuala Lumpur dari satu masa ke satu masa

dan sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum segala-galanya sedang dibuat bagi mengatasi kesesakan-kesesakan itu.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Kementerian bercadang untuk menyelaraskan hukuman kesalahan lalulintas yang ada di antaranya boleh dibayar kompaun dan ada yang pergi terus ke mahkamah. Adakah kementerian bercadang bahawa hukuman-hukuman yang boleh dibayar kompaun ini pergi terus ke mahkamah supaya menjamin ketenteraman lalulintas?

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, denda-denda yang dikenakan ini adalah dikenakan menurut Road Traffic Ordinance yang berkenaan dan perkara-perkara yang boleh dikompaun adalah dikompaun dan perkara-perkara yang dikehendaki dibawa ke mahkamah, akan dibawa ke mahkamah. Inilah peraturan-peraturan menurut Undang-undang lalulintas yang ada sekarang ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, benarkan saya menerangkan iaitu soalan tambahan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka amatlah berat tuduhannya. Ahli Yang Berhormat mengetahui iaitu Kerajaan amatlah mengambil perhatian berat dalam masalah rasuah ini dan tadi Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengatakan dia nampak pemberian semacam itu. Saya hendak bertanya kalau dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua kepada Ahli Yang Berhormat itu melapurkan perkara ini kepada Polis atau tidak?

Tuan Chan Teck Chan: Sebenarnya perkara ini saya ada memberitahu salah seorang Inspektor Polis, kemudian saya diminta ambil nombor Polis itu, saya kata saya sudah tidak sempat untuk ambil nombornya. Saya ada beritahu Inspektor Polis di Melaka.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mengingatkan tadi mengikut di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 23 (1) (b) yang berbunyi, iaitu:

"23 (1) (b) Jika sesuatu pertanyaan itu mengandungi sesuatu kata-kata, yakni statement maka Ahli yang bertanya itu hendaklah bertanggungjawab betul atau tidak kata-kata itu".

Itu saya ingatkan.

DEWAN BANDARAYA—KHIDMAT WAKIL RAKYAT

10. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Dewan Bandaraya untuk menjadinya sebagai sebuah jabatan yang berjiwa rakyat dan bersikap bertindak di dalam berkhidmat untuk keperluan dan aspirasi rakyat di Wilayah Persekutuan;
- (b) adakah beliau sedar bahawa semua Ahli-ahli Parlimen yang dipilih mempunyai suatu peranan yang penting untuk dimainkan di dalam membuat Dewan Bandaraya menjadi sebuah jabatan yang berjiwa rakyat. Jika ya, adakah beliau akan mengarah Dewan Bandaraya bekerja lebih rapat dengan wakil-wakil yang dipilih oleh rakyat untuk berkhidmat untuk keperluan mereka; dan
- (c) adakah beliau bersetuju kepada suatu cadangan untuk melantik wakil-wakil rakyat di Wilayah Persekutuan berkhidmat di dalam berbagai-bagai Jawatan-kuasa penasihat sebagai langkah untuk memajukan perhubungan kerja yang rapat di antara Pentadbir-pentadbir Bandaraya dan Ahli-ahli Parlimen, jika tidak, apakah langkah-langkah yang beliau bercadang hendak ambil untuk memulakan suatu jentera kerja yang rapat di antara Ahli-ahli Parlimen yang dilantik oleh rakyat dan Pentadbir-pentadbir Bandaraya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya sentiasa memberi perhatian kepada jentera pentadbiran dan juga rancangan-rancangannya supaya dalam pelaksanaan Dewan Bandaraya akan menjadi Jabatan yang berjiwa rakyat dan bersikap bertindak untuk kebajikan penduduk dalam Wilayah Persekutuan. Antara langkah-langkah yang telah diambil ke arah tujuan yang tersebut ialah:

- (i) menentukan kawasan kerja yang sama bagi semua Jabatan-jabatan di bawah Dewan Bandaraya dan juga Jabatan-jabatan lain dalam Wilayah Persekutuan berasaskan kawasan-kawasan Parlimen supaya perkhidmatan-perkhidmatan

yang diberikan kepada penduduk dapat diselaraskan. Dengan adanya kawasan kerja yang sama bagi Jabatan itu maka kerja-kerja terpaksa disusun dan diatur mengikut keperluan kawasan berkenaan dan di samping itu mengelakkan pertimbalan kerja yang mungkin berlaku. Tiap-tiap kawasan Parlimen itu mempunyai seorang penyelaras (co-ordinator) yang menyelaraskan perkhidmatan-perkhidmatan itu secara keseluruhannya.

- (ii) Memperbaiki sistem perhubungan awam melalui majlis-majlis perjumpaan dan dailog-dailog serta lawatan-lawatan untuk mengesan secara langsung masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk dan keperluan-keperluan mereka. Tindakan sedang diambil bagi menambahkan lagi bilangan pegawai untuk yunit Perhubungan Awam di Dewan Bandaraya. Dalam hal ini, sukalah saya menyatakan bahawa dengan tertubuhnya nanti 10 buah Pusat Penerangan dan Perhubungan Awam di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan, maka pusat itu akan menjadi tempat-tempat yang boleh memberi perkhidmatan secara langsung dan serta-merta kepada rakyat yang memerlukannya. Ia juga akan dapat mengesan dengan serta-merta kejadian-kejadian yang berlaku dalam Wilayah Persekutuan dan dengan itu dapat pula terus menghubungi pihak-pihak yang berkenaan untuk mendapatkan tindakan serta-merta daripada mereka.
- (iii) Sukalah juga saya nyatakan bahawa rancangan-rancangan yang telah dan sedang diatitkan untuk memberi kemudahan kesenangan yang penduduk-penduduk berpendapatan rendah bolehlah dianggap sebagai menjadikan Dewan Bandaraya sebagai sebuah Jabatan yang berjiwa rakyat. Rancangan-rancangan rumah murah, mengadakan bekalan air dengan menambahkan bilangan stand-pipe supaya kadar 1 stand-pipe kepada 100 keluarga diturunkan kepada 1 stand-pipe kepada 20 keluarga dan rancangan-rancangan mencegah kawasan-kawasan rendah daripada dilanda banjir serta rancangan-rancangan memberikan kemudahan-kemudahan riadah kepada orang ramai bolehlah dianggap

sebagai memenuhi tujuan tersebut. Projek-projek seumpama ini untuk kepentingan orang ramai akan ditambahakan dari semasa ke semasa mengikut kemampuan dan kewangan Dewan Bandaraya.

(b) Kerajaan memang sedar bahawa Ahli-ahli Parlimen boleh memainkan peranan penting untuk membantu Dewan Bandaraya menjadi sebuah Jabatan yang berjiwa rakyat. Oleh sebab itulah Dewan Bandaraya sentiasa bekerja rapat dengan Ahli-ahli Parlimen dan Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar sendiri adalah selalu mendapat kerjasama yang baik dan rapat daripada Dewan Bandaraya.

(c) Dengan adanya hubungan rapat itu maka segala pandangan, teguran serta cadangan daripada Yang Berhormat bolehlah disampaikan secara langsung dengan cepat dan saya tidak fikir bagaimana dengan adanya Wakil Rakyat dalam Jawatankuasa Penasihat Dewan Bandaraya ia akan melahirkan satu cara perhubungan yang lebih berkesan dari perhubungan rapat yang sedia ada. Dengan itu, Kerajaan tidak ada cadangan melantik Ahli Dewan Rakyat dalam Jawatankuasa Penasihat. Walau bagaimanapun di mana dan apabila difikirkan perlu untuk mendapat pandangan Ahli Dewan Rakyat atas perkara-perkara khusus maka ia akan dibuat oleh Dewan Bandaraya dengan cara yang paling sesuai kepada kedua pihak.

Akhir sekali, saya percaya Yang Berhormat akan mengakui dengan tertubuhnya Kementerian Wilayah Persekutuan yang telah wujud selepas pembentukan Kerajaan berjiwa rakyat itu, Kementerian Wilayah Persekutuan akan sentiasa melaksanakan tanggungjawab dan perannya untuk menjamin bahawa bukan sahaja Kementerian sendiri, tetapi Jabatan-jabatan di bawahnya akan sentiasa bekerja rapat dengan semua pihak termasuk Ahli-ahli Parlimen yang difikirkan boleh membantu ke arah memperbaiki dan meningkatkan mutu perkhidmatan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Jabatan-jabatan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan tambahan. Yang pertama, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini bahawa co-ordinator bagi ke semua lima kawasan Parlimen untuk Wilayah Persekutuan dapat dilantik?

Yang kedua, saya ingin tahu samada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar tentang sungutan-sungutan orang ramai, misalnya bahawa mereka tidak dapat menerima layanan yang memuaskan dari Dewan Bandaraya mengenai permintaan-permintaan mereka, khasnya tentang permintaan untuk mendapatkan rumah pangsa. Jika beliau sedar, saya ingin tahu apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Soalan yang pertama, co-ordinator untuk kawasan-kawasan Parlimen itu telah dilantik.

Soalan yang kedua, situasi kekurangan rumah dalam Wilayah Persekutuan ini, memanglah menjadi satu perkara yang tidak dapat kita puaskan semua orang yang ingin mendapatkan rumah itu. Oleh sebab itulah maka Bandaraya sekarang ini sedang merancang bagi mengadakan rancangan perumahan rumah yang besar supaya permohonan-permohonan untuk mendapat rumah itu dapat dilayan dan di mana pemohon difikirkan berkelayakan maka pertimbangan boleh diberi.

Dalam keadaan yang begini terdesak maka rasa kurang puas hati itu adalah satu perkara yang tidak dapat dielak berlaku. Walau bagaimanapun pihak Bandaraya sentiasa memberi perkhidmatan yang sebaik-baiknya yang boleh untuk orang ramai.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu lagi soalan yang akhir. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu apakah langkah-langkah yang positif yang telah diambil untuk menguatkan koordinasi di antara Jabatan-jabatan dalam Dewan Bandaraya di dalam tugas untuk mengatasi berbagai-bagai masalah yang dihadapi oleh rakyat?

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, langkah yang paling tegas ialah penubuhan Kementerian Wilayah Persekutuan sendiri.

SYARIKAT SRI LINGGAR SDN. BHD.—SIASATAN B.S.N.

11. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Undang-undang menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh BSN untuk menyiasat

kes-kes penyalah-gunaan kuasa dan korupsi yang berlaku di Negeri Melaka sejak laporan dikemukakan kepadanya pada tahun 1975 hingga tahun 1978, di antaranya ialah (i) pemberian 3,000 ekar tanah di Kuala Sungai Baru kepada Syarikat Sri Linggar Sdn. Bhd. di mana seorang Ahli EXCO Kanan dan seorang Setiausaha kepada bekas Ketua Menteri kedua-duanya adalah merupakan pengarah di Syarikat tersebut terlibat, (ii) Pemangku Ketua Menteri menerima \$50,000 secara korupsi daripada pemaju swasta sebagai syarat untuk meluluskan permohonan pecahan lot rumahnya (iii) Malim Jaya (M) Sdn. Bhd. dan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka, (iv) Citibaru Sdn. Bhd.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, penyiasatan oleh BSN mengenai kes yang pertama ini telahpun selesai. Tindakan selanjutnya akan diambil setelah dikaji dengan secara mendalam keterangan-keterangan yang telah diperolehi setakat ini.

BSN ada menerima maklumat mengenai perkara (ii), (iii), dan (iv) itu dan sekarang BSN sedang meneliti untuk menentukan samada tuduhan-tuduhan itu berasas ataupun tidak.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah sebabnya, sekurang-kurangnya ada seorang dua politikus-politikus yang berjawatan tinggi dalam Barisan Nasional telah dilepaskan dengan syarat bahawa mereka akan bersara dari arena politik.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini lain atau termasuk dalam yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa soal yang (i) telah selesai dan sekarang dikaji mendalam menentukan apa langkah yang akan diambil.

Soal yang (ii), (iii) dan (iv) sedang diteliti tentang langkah-langkah yang akan dijalankan.

Tuan Chan Teck Chan: Untuk penjelasan, kerana dua orang ini ada terlibat dalam kes-kes yang saya nyatakan dalam soalan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, kes (i) kah, atau kes mana,

Tuan Chan Teck Chan: Kes (i).

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Boleh diulang kembali?

Tuan Yang di-Pertua: Kes (i).

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Apa soalan tambahannya?

Tuan Chan Teck Chan: Apakah sebabnya seorang dua politikus-politikus yang berjawatan tinggi boleh dilepaskan daripada menghadapi tindakan-tindakan BSN dengan syarat mereka akan berjanji untuk bersara dari arena politik dalam pilihanraya tahun ini?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang kedua ini masih diteliti oleh BSN untuk menentukan sama ada tuduhannya itu berasas ataupun tidak.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini bahawa BSN akan mengambil berapa lamakah masanya untuk menyelesaikan semua siasatan-siasatan tentang tuduhan-tuduhan yang saya nyatakan dalam soalan ini?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, susahlah hendak memberitahu berapa lama lagi masanya yang akan diambil. Seperti Yang Berhormat ketahu BSN ada menerima banyak laporan-laporan dan maklumat-maklumat setiap bulan dan BSN sekarang menghadapi kekurangan kakitangan berbanding dengan kerja-kerja yang semakin bertambah. Dengan sebab itu kenalah memakan masa sedikit.

ASEAN—KEMAJUAN EKONOMI

12. Tuan V. David minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai oleh ASEAN dalam bidang ekonomi dari persefahaman perdagangan hingga hari ini dan samada negara-negara anggota telah bersetuju dengan konsep tidak terikat dengan fahaman dan berkecuali dan jumlah yang telah dibelanjakan oleh Malaysia terhadap ASEAN hingga hari ini.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauden Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) semenjak Perjanjian Keutamaan Perdagangan (ASEAN Preferential Trading Agreement (ditandatangani pada tahun 1976, kemajuan telah tercapai di dalam kerjasama perdagangan, umpamanya pada bulan September 1977 sebanyak 855 perkara baru dagangan telah diper-setujui. Sekarang kajian sedang dibuat untuk menentukan kemungkinan meluaskan lagi jenis barangan yang boleh dimasukkan dalam scheme tersebut.
- (ii) Berhubung dengan perkara ZOPFAN (Zone of peace, friendship, and neutrality) ada beberapa kemajuan yang telah dicapai. Umpamanya sekarang bertambah banyak negara yang menyokong konsep tersebut.
- (iii) Jumlah wang yang dibelanjakan oleh Kementerian Luar Negeri terhadap ASEAN dari tahun 1971-1977 ialah \$1,181,073.57.

PENANAMAN PADI

13. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah usaha-usaha Kerajaan untuk menjamin penanaman padi dua kali setahun dapat diteruskan oleh petani-petani dalam kawasan Perairan Muda (Kedah) walaupun sekiranya berlaku kemarau panjang seperti yang telah berlaku di tahun ini;
- (b) adakah benar Kerajaan telah mencuba membuat hujan tiruan untuk keperluan mengairkan kawasan Perairan Muda di waktu kemarau panjang tempoh hari, kalau benar berapakah banyak wang yang terlibat dalam rancangan tersebut dan banyak mana pula hasil air hujan yang telah didapati; dan
- (c) adakah benar tanaman padi luar musim tahun ini tidak akan dilaksanakan oleh sebab kekurangan air dalam takungan Pedu dan Muda.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Haji Zakaria bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a), saya tidaklah dapat memberi jawapan bahawa masalah-masalah yang timbul akibat daripada bencana alam itu dapat diselesaikan seratus-peratus, tetapi usaha-usaha yang dijalankan bagi menentukan supaya tanaman padi

dua kali setahun akan dapat dilaksanakan, iaitu yang pertama ialah usaha jangka pendek dengan mengadakan operasi membuat hujan tiruan (cloud seeding) yang dijangka akan dapat menambah takungan air di Empangan Muda dan Pedu. Langkah jangka panjang ialah satu rancangan secara besar-besaran bagi memperbaiki sistem pengairan di kawasan Muda itu akan dilaksanakan di dalam tahun 1979 ataupun kemungkinan pada awal tahun 1980.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (b), memang benar Kerajaan ada membuat hujan tiruan atau operasi "cloud seeding" pada tahun 1977 dan 1978. Perbelanjaan untuk 5 operasi yang dijalankan di dalam tahun 1977 dan 1978 berjumlah \$194,000. Kos ini adalah untuk bahan-bahan kimia dan alat-alatan, dan ianya tidak termasuk sewa kapal terbang kerana kita gunakan kapal terbang daripada TUDM. Hasil daripada operasi itu air telah bertambah di kawasan Empangan Pedu dan Muda, kerana pada bulan Jun, 1977 sebelum daripada operasi itu dijalankan, di kedua-dua empangan itu hanya mempunyai 130 ribu ekar kaki. Kemudian, selepas daripada kelima-lima operasi itu dijalankan, air telah bertambah di kedua-dua empangan tersebut menjadi 444 ribu ekar kaki.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (c), memang benar tanaman padi luar musim bagi tahun 1978 ini tidak dilaksanakan, bukan sahaja disebabkan kekurangan air di dalam takungan Pedu dan Muda, tetapi juga dengan tujuan membetulkan jadual tanaman yang telah dipengaruhi oleh kemarau yang panjang itu yang tidak mengikut musim sehingga tanaman dua kali setahun telah tidak dapat dijalankan dengan jadual yang betul. Diharap dengan penangguhan satu musim ini, pada musim-musim bagi tahun yang akan datang tanaman luar musim ini dapat disusun mengikut jadual yang sepatutnya.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Soalan tambahan. Adakah benar pendapat yang mengatakan Empangan Muda dan Pedu itu bocor di sebelah bawah?

Tuan Yang di-Pertua: Apa yang bocor?

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Empangan bocor. Sebab itu kalau datang air sebanyak manapun, dia keluar dan habis tak masuk saluran yang telah dibuat di kawasan Muda itu.

Tuan Haji Zakaria bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita ketahui, empangan-empangan mungkin mengalami sebarang kerosakan, dan sentiasa diperhati dan diperbaiki dari semasa ke semasa. Dan sekiranya empangan itu rosak, bukanlah kerosakan itu yang menyebabkan kekurangan air, kerana sebenarnya kekurangan air yang berlaku di kawasan MUDA itu ialah disebabkan kemarau yang berlaku begitu panjang.

Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, suara saya lain sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Tak apalah.

RANCANGAN TANAH BUKIT KAPAH, ULU TRENGGANU

14. Tuan Alias bin Md. Ali minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah beliau sedar bahawa sekumpulan gajah sedang mengancam rancangan tanah Bukit Kapah, Ulu Trengganu menyebabkan kerugian yang besar. Jika sedar, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menghapuskan ancaman gajah itu.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang peristiwa tersebut. Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah dengan bantuan dari Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara telah mengambil tindakan menubuhkan sebuah Yunit Kebajikan Gajah untuk kawasan tersebut bagi membantu mengatasi masalah yang dihadapi.

Usaha seterusnya pentadbiran FELCRA dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara sedang membina Pagar Letrik di kawasan berkenaan sebagai langkah mencegah serangan gajah dan binatang-binatang liar yang lain.

Oleh kerana perkara begini pernah berlaku di sana sini maka sebuah Jawatankuasa Kecil Kawalan Musuh Tanaman telah ditubuhkan untuk mengkaji secara menyeluruh masalah-masalah yang dihadapi dan cara-cara untuk mengatasi masalah tersebut dengan berkesan supaya kerosakan yang berlaku akibat dari serangan musuh tanaman dihadkan. Di antara langkah-langkah yang sedang dijalankan oleh agensi-agensinya pembangunan tanah adalah

dengan membina parit, membina pagar letrik dan juga membina pagar-pagar kayu di sempadan kawasan rancangan. Sejak langkah-langkah tersebut diambil didapati bahawa kesannya adalah memuaskan. Mengenai kerugian yang dihadapi tidaklah ditanggung oleh pihak peneroka FELDA atau FELCRA tetapi ada perlindungan insuran ke atasnya.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sejumlah \$500,000 telah kehilangan kerana dirosakkan oleh gajah dalam rancangan di Bukit Kapah sahaja dan selain daripada itu kita kehilangan masa 4 tahun kerana kerosakan itu. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju sepatutnya kita lebih mengutamakan kepentingan rakyat kita sendiri daripada masalah gajah, binatang liar dan saya difahamkan bahawa pihak Kementerian beliau suka hendak menghapuskan gajah itu tetapi pihak Kementerian Alam Sekitar yang bertanggungjawab atas gajah liar tak mahu membunuh gajah itu. Jadi sudah ada konflik antara dua Kementerian ini. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan saya bahawa kita patut mengutamakan penghidupan rakyat kita sendiri daripada penghidupan binatang liar itu.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah lagi Kementerian lain, Kementerian Kebajikan pula (*Ketawa*).

Tuan Sanusi bin Junid: Mengenai kerugian yang dihadapi sebagaimana yang saya maklumkan bahawa kerugian ini tidak ditanggung oleh pihak peneroka tetapi dilindungi oleh polisi insuran. Mengenai kepentingan gajah dan kepentingan manusia saya fikir dalam hal ini bukan gajah yang melanda kawasan FELCRA tetapi FELCRA yang ambil tanah yang biasa diduduki oleh gajah (*Ketawa*). Oleh itu kerana Kementerian mengambil tanah yang diduduki oleh gajah, jelaslah bahawa kita lebih mementingkan manusia daripada gajah. Walau bagaimanapun untuk kepentingan ilmiah maka gajah-gajah ini kita cuba supaya tidak kita musnahkan dan perbelanjaan yang banyak untuk melindungi gajah menggambarkan hasrat Kerajaan untuk memelihara kepentingan ilmiah untuk kepentingan masyarakat.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi bahawa beliau bercadang hendak menubuhkan satu yunit kebajikan gajah dan juga beliau telah menyatakan bahawa yang menceroboh ialah manusia kerana gajah yang mula-mula menduduki di kawasan FELCRA itu, maka saya suka hendak bertanya: Yang pertama apakah bentuk yunit kebajikan gajah yang dicadangkan untuk ditubuhkan itu dan samada beliau bercadang setelah yunit ini ditubuhkan untuk menukarkan yunit itu kepada Kementerian Kebajikan Am dan untuk mendapatkan pendapat (opinion) juga jika sekiranya ada cadangan kepada Yang Berhormat Menteri Undang-undang yang mana dari segi undang-undang gajah atau manusia kerana gajah telah diceroboh oleh manusia dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut keterangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, kepentingan kedua-duanya dijaga (*Ketawa*).

Tuan Sanusi bin Junid: Sebenarnya bentuk Jawatankuasa ini terdiri daripada wakil-wakil dari FELDA, FELCRA, RISDA dan juga dari Kementerian sendiri. Antara kerja yang telah dijalankan oleh yunit ini ialah memikirkan cara supaya gajah terpelihara dan kepentingan manusia tidak terjejas. Oleh kerana keputusan yang dibuat oleh yunit ini maka pagar letrik akan dibuat di Bukit Kapah yang akan dimulakan dan akan siap pada bulan Mac tahun 1979. Saya tidak fikir perlu ada apa-apa perubahan kepada yunit ini kerana setakat ini segala yang dirancang sungguh memuaskan.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahan. Oleh kerana kerosakan ini bukan berlaku di Trengganu sahaja, jadi saya ingin tahu apakah langkah atau polisi Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah terhadap rancangan-rancangan yang ditimpa kemalangan seperti ini terhadap peneroka-peneroka di situ samada diganti dengan tempat lain ataupun dibiarkan peneroka itu terus tinggal di situ. Kalau ini berlaku ini mengakibatkan peneroka itu akan lama menunggu di situ baru dapat hasil sehingga blok sistem dan sebagainya. Saya ingin tahu.

Tuan Sanusi bin Junid: Kita tidak bercita-cita untuk memindahkan peneroka ke

tempat lain kerana kita percaya bahawa kita dapat menyelesaikan masalah yang ditimbulkan oleh gajah. Oleh itu segala gangguan yang kita hadapi adalah gangguan-gangguan sementara yang pasti berlaku di dalam projek-projek yang melibatkan hutan belantara di mana terdapat banyak gajah.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 15 dan 16 adalah diberi di bawah ini).

**Y.B. CHIAN HENG KAI/
Y.B. CHAN KOK KIT**

15. Tuan Karpal Singh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan bercadang membebaskan Ahli Parlimen kawasan Batu Gajah, Chian Heng Kai, dan Ahli Parlimen kawasan Sungei Besi, Chan Kok kit, dari tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri memandangkan mereka telah dipilih oleh rakyat dalam pilihanraya umum yang diadakan baru-baru ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Pemilihan Chian Heng Kai dan Chan Kok Kit sebagai Ahli-ahli Dewan Rakyat bukanlah menjadi satu ukuran untuk membebaskan mereka dari tahanan. Mereka akan hanya dibebaskan apabila didapati pembebasan mereka tidak lagi mengancam keselamatan negara.

SUBSIDI BAGI NEGERI SABAH

16. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk Haji Asneh minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) berapakah peruntukan Subsidi telah diperuntukkan bagi Negeri Sabah di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini; dan
- (b) berapa peruntukan yang telah dihantar ke Negeri Sabah setakat ini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Michael Chen Wing Sum): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa di dalam Rancangan Malaysia Ketiga tidak ada dibekalkan Peruntukan Subsidi secara langsung di dalam aktiviti-aktiviti Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

USUL

MEMILIH TIMBALAN YANG DI-PERTUA

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya mencadangkan:

Bahawa Yang Berhormat Datuk Mansor bin Othman dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab seorang sahaja calon yang telah dikemukakan baru sebentar tadi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan disokong oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, maka saya mengisytiharkan bahawa Yang Berhormat Datuk Mansor bin Othman, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Pilah menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (*Tepuk*). Dan saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada beliau.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Yang Berhormat Datuk Mansor bin Othman dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1979

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (20hb Oktober, 1978).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1979

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul

yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$4,861,133,382 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1979, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1979 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 33 tahun 1978, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut (20hb Oktober, 1978).

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap, saya suka mengingatkan lagi dan menarik perhatian kepada Peraturan Mesyuarat iaitu kita diuntukkan 11 hari termasuk jawapan daripada Yang Berhormat Menteri-menteri mulai daripada hari ini dan pada mulanya saya tidak akan menghadkan masa tetapi kalau sesiapa Ahli Yang Berhormat banyak membuang masa sahaja, saya akan tahan. Perkara yang boleh dibincangkan ialah perkara-perkara am dan berhubung dengan pentadbiran, perkara-perkara butiran, ini boleh disentuh apabila Majlis ini membincangkan di dalam Jawatankuasa selama 16 hari. Sekarang saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat hanya perbahasan itu dihadkan kepada pentadbiran am dan dasar sahaja, tidak butiran-butiran.

Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

3.40 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, ini mungkin kali pertama Belanjawan Negara tidak mendapatkan perhatian utama rakyat Malaysia. Ada dua sebab yang menyebabkan ini.

Pertama, sungguhpun terdapat begitu banyak publisiti dalam surat-suratkhbar tentang perubahan-perubahan dan pengecualian-pengecualian dalam cukai-cukai sebelum Belanjawan 1979 diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita, Belanjawan 1979 sebenarnya merupakan Belanjawan yang mengecewakan kerana Yang

Berhormat Menteri Kewangan kita tidak mengenakan perubahan-perubahan dan pengecualian-pengecualian drastik dalam cukai-cukai yang akan dapat membantu rakyat Malaysia yang miskin dan berpendapatan rendah supaya mereka boleh mengadakan kuasa pembelian yang lebih dan juga dapat menikmati taraf kehidupan yang lebih tinggi.

Pengeciwaan yang besar sekali ialah tentang kegagalan Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menambahkan pengecualian cukai pendapatan untuk individu-individu dan isteri. Pada masa sekarang, pengecualian cukai pendapatan untuk seorang individu ialah \$2,000 dan pengecualian cukai untuk seorang yang telah beristeri ialah \$1,000. Di bawah sekim ini, seorang pekerja yang berpendapatan \$167 sebulan kalau kira \$2,000 relief, ada dikenakan.

Yang Berhormat Menteri Kewangan kita dan juga rakan-rakan sejawatnya nampaknya tidak memahami bahawa seorang yang menerima gaji bulanan sebanyak \$167 sekarang berbeza daripada seorang yang menerima gaji bulanan sebanyak \$167 dalam tahun 1947 tatkala Undang-undang Cukai Pendapatan dikenakan di negara ini.

Dalam tahun 1947 orang-orang yang menerima gaji \$167 sebulan merupakan seorang yang memegang jawatan yang bergred tinggi dan penting dan gajinya itu dalam ertikata kuasa pembelian sakarang adalah serupa dengan seorang yang menerima gaji \$800 sebulan atau \$10,000 setahun sekarang dan beliau ini bukan sahaja dapat menanggung sebuah keluarga yang besar termasuk ibu-bapanya yang sudah tua tetapi juga berupaya mengupah orang gaji untuk bekerja di rumah itu.

Dalam tahun 1947, seorang yang mendapatkan pendapatan sebanyak \$167 sebulan mampu membayar cukai pendapatannya tetapi seorang yang menerima gaji \$167 sebulan sekarang tidak dapat berbuat demikian tahun ini ataupun kalau beliau dapat \$200 sebulan.

Tetapi dalam tahun 1947 apabila undang-undang cukai pendapatan dikenakan pada kali pertama, relief untuk individu-individu ialah \$3,000 dan relief untuk isteri ialah sebanyak \$2,000. Relief ini telah dikurangkan kepada \$2,000 untuk individu-individu dan \$1,000 untuk isteri dalam tahun 1960.

Kadar relief cukai yang wujud sekarang adalah tidak adil sama sekali dan telah menjejaskan dengan teruknya orang-orang yang miskin dan berpendapatan rendah. Saya menyeru Yang Berhormat Menteri Kewangan kita untuk mengambil langkah-langkah segera untuk melipatgandakan pengecualian cukai untuk individu-individu kepada \$4,000 dan untuk isteri sebanyak \$2,000. Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak payah menunggu sehingga bulan Oktober tahun depan untuk mengumumkan perubahan-perubahan ini dalam Budget tahun 1980 tetapi oleh kerana perubahan-perubahan dalam cukai pendapatan ini boleh dilaksanakan dengan mengadakan satu mini budget dalam pertengahan tahun hadapan apabila Parlimen membahaskan Mid-Term Review untuk Rancangan Malaysia Ketiga.

Tambahan dalam pengecualian cukai untuk anak-anak adalah terlalu sedikit dan saya tidak tahu samada Yang Berhormat Menteri Kewangan kita sedar akan kos yang terlibat dalam membesarkan anak-anak kita. Beliau mungkin tidak sedar oleh kerana beliau masih fetching bachelor.

Tuan Yang di-Pertua, adalah juga dikesalkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan kita tidak mengenalkan "innovations" supaya mengaitkan undang-undang cukai pendapatan dengan keperluan-keperluan negara dan sosial. Umpamanya, Kerajaan harus memberikan pengecualian cukai atau "rebate" pelajaran kepada rakyat Malaysia yang berpendapatan kurang dari \$15,000 setahun supaya mereka dapat menampung perbelanjaan untuk pelajaran anak-anak mereka di seberang laut yang gagal mendapat tempat di universiti-universiti tempatan. Ini hendaklah dipertimbangkan atas alasan-alasan equiti, kerana dengan membuat demikian ia naya akan dapat bantu menghapuskan ketidakadilan sosial dan membolehkan rakyat berpendapatan rendah bersaing dengan rakyat yang berpendapatan tinggi. Pengecualian cukai untuk pelajaran juga hendaklah diberikan atas alasan-alasan kepentingan negara kerana ini merupakan satu jenis pelaburan (human investment) dalam kemahiran manusia yang bernilai. Saya berharap dalam Budget yang akan datang, cadangan saya ini tentang pemberian educational rebate kepada rakyat Malaysia yang berpendapatan kurang dari \$15,000 setahun akan diterima.

Kehilangan hasil dalam perkara ini boleh dipungut balik dengan mengenakan kadar

bayaran cukai yang lebih untuk orang-orang yang berpendapatan tinggi dan juga dengan mengadakan pungutan cukai pendapatan yang lebih cekap serta memerangi pengelakan bayaran cukai.

Selain daripada pengurangan 50 peratus dalam cukai impot ke atas buah-buahan dalam mana pihak kami di sini mengalu-alukan langkah ini dan telahpun sejak kadar tinggi dikenakan untuk buah-buahan asing menyeru Kerajaan mengurangkan kadar tersebut, perubahan-perubahan dalam kadar cukai untuk barang-barang lain adalah tidak bererti dan ianya cuma akan menguntungkan kelas berada sahaja. Adalah tidak hairan memandangkan soal daripada mana Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional berasal bahawa perubahan-perubahan dalam cukai impot untuk minyak wangi dan alat-alat solek sepertimana diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan telah disambut dengan tepuk-tepukan di dalam Dewan ini. Tetapi saya rasa sebilangan besar rakyat akan berminat untuk mengetahui mengapakah harga barang-barang keperluan tidak diturunkan khasnya harga gula.

Perundingan Kerajaan Malaysia dengan Australia mengenai gula sehingga hari ini masih dirahsiakan. Cuma apa yang rakyat tahu ialah sungguhpun harga dunia untuk gula mentah telah turun, rakyat Malaysia terpaksa membayar 65 sen untuk sekati gula di Semenanjung Malaysia dan sebanyak 70 sen sekati gula di Sabah dan Sarawak dan harga ini merupakan harga yang dicapai ketika harga gula telah meningkat ke puncaknya dalam tahun 1975.

Menurut Lapuran Perbendaharaan, dalam masa enam bulan pertama tahun ini, sebanyak 160,615 tan gula mentah yang bernilai \$85.1 juta telah diimpotkan berbanding dengan 157,262 tan yang bernilai \$101.5 juta dalam tempoh yang sama tahun dahulu. Harga yunit impot telah lebih kurang \$550 setiap tan dan harga ini adalah 18% kurang daripada harga yang terdapat dalam tempoh yang sama tahun lalu. Tetapi penurunan harga ini adalah disebabkan kerana terdapat terlalu banyak gula di pasaran dunia sekarang. Tetapi penjimatan sebanyak \$20 juta dalam perkara mengimpot gula mentah dalam tempoh masa enam bulan pertama tahun ini tidak disampaikan ataupun "passed on" kepada pengguna-pengguna terutama sekali pengguna-pengguna miskin.

Dalam tahun 1975, Malaysia telah mengadakan perjanjian jangka panjang dengan Australia untuk bekalan gula di mana Malaysia akan membeli 1.65 juta tan gula mentah daripada Queensland untuk selama enam tahun sehingga tahun 1980 dengan harga permulaan sebanyak \$814.50 setiap tan. Rakyat Malaysia telah diberikan satu gambaran bahawa perjanjian bekalan jangka panjang ini merupakan pencapaian besar (achievement) bagi kita dan rakyat juga digambarkan bahawa perjanjian ini dimeterikan untuk menjaga supaya harga runcit gula tidak akan meningkat.

Apabila harga gula mentah telah jatuh di seluruh dunia dan selepas terdapat terlalu banyak gula di pasaran dunia, perjanjian jangka panjang untuk bekalan gula dengan Australia telah merupakan satu "disaster" kepada kita. Pegawai-pegawai dan Menteri-menteri Malaysia telah mengugut bahawa jika sekiranya perjanjian jangka panjang ini tidak dirundingkan semula (re-negotiated), perhubungan perdagangan dan juga perhubungan-perhubungan yang lain dengan Australia akan terjejas dengan teruknya.

Perundingan semula telahpun diadakan dalam bulan Mac tahun ini. Tetapi sekarang kita diberitahu sungguhpun perjanjian gula dengan Australia telah dirundingkan semula (re-negotiated) dan syarat-syarat yang lebih menasabah telahpun diperolehi daripada pembekal-pembekal gula Australia, harga runcit gula masih tidak berubah kerana dengan perjanjian baharu inilah Kerajaan akan dapat mengekalkan harga runcit gula bertapis di Malaysia. Ini bermakna dalam masa dua tahun yang lalu ini, kilang-kilang penapis gula seperti Malaysia Sugar Manufacturing Bhd. (MSM) dan Central Sugar Berhad (CSB) telah memperolehi keuntungan yang lumayan.

Rakyat Malaysia berhak mengetahui samada Kerajaan Malaysia telah mewakili kepentingan kilang-kilang penapis gula ataupun mewakili kepentingan rakyat Malaysia tatkala perjanjian bekalan itu dirundingkan semula dengan Kerajaan Australia kerana cuma kilang-kilang penapis gula sahaja yang telah beruntung dalam perundingan semula ini.

Saya menyeru Menteri yang berkenaan memberikan satu penjelasan yang lanjut penuh dengan angka-angka mengenai perjanjian harga gula sebelum dan selepas

perundingan semula diadakan serta juga memberikan paras keuntungan kilang-kilang penapis gula di Malaysia supaya dapat menyakinkan rakyat bahawa mereka tidak membayar harga yang tinggi untuk gula semata-mata untuk membolehkan kilang-kilang penapis gula memperoleh keuntungan yang besar. Rakyat Malaysia juga berhak mengetahui disebabkan kesilapan siapakah mereka terpaksa membayar harga yang tinggi untuk gula sedangkan harga gula di seluruh dunia adalah murah.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya kata bahawa ada dua sebab kenapa Budget baru ini tidak jadi central attention di negara ini. Mengapa Belanjawan tahun hadapan tidak mendapatkan perhatian utama rakyat ialah kerana kegunaan kuasa-kuasa polis dan eksekutif yang tidak patut pada hari Khamis lalu di mana pengharaman yang dikenakan ke atas mesyuarat untuk membincangkan perkara Universiti Merdeka pada 22hb Oktober adalah tidak adil, tidak demokratik dan berat sebelah dan oleh kerana itu akan bukan sahaja menjejaskan kestabilan ekonomi, kepercayaan rakyat dan tentulah akan mempengaruhi masa hadapan ekonomi kita.

Sepertimana yang diakui oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kepada pengarah-pengarah Universiti Merdeka Sdn. Berhad apabila beliau bermesyuarat dengan mereka pada 19hb Oktober mesyuarat berkenaan akan berdisiplin dan mematuhi undang-undang. Di sini adalah diperhatikan bahawa pengarah-pengarah Universiti Merdeka Sdn. Berhad dikejutkan dari tidur mereka pada pukul 12 tengah-malam dan ada juga pada awal subuh 19hb Oktober dan diberitahu tentang mesyuarat tersebut dengan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Apa yang ditakuti oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Negeri ialah kemungkinan mesyuarat itu akan mengakibatkan mesyuarat-mesyuarat balasan diadakan yang akan mengancam ketenteraman awam dan keselamatan negara. Jika inilah hakikat sebenarnya, maka mesyuarat-mesyuarat balasan inilah yang sepatutnya diharamkan kerana tidak ada sebab-sebab mengapa mesyuarat-mesyuarat balasan ini patut diadakan.

Untuk sebab-sebab yang hanya diketahui oleh mereka, beberapa orang pemimpin politik yang tidak bertanggungjawab telah memberi gambaran kepada rakyat bahawa

Universiti Merdeka yang dicadangkan itu merupakan satu ancaman besar terhadap hak-hak dan kepentingan-kepentingan orang-orang Melayu sedangkan tiada terdapat satu 'iota' bukti yang boleh menunjukkan sedemikian. Pemimpin-pemimpin politik yang tidak bertanggungjawab inilah yang mengipas perasaan emosi dan perkauman dengan menggambarkan bahawa Universiti Merdeka merupakan satu ancaman kepentingan-kepentingan orang-orang Melayu dan mereka inilah yang merupakan ancaman besar kepada ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, walaupun perkara yang dicakapkan ini adalah termasuk dalam pentadbiran am ataupun dasar am tetapi bukankah elok hal-hal Universiti ini nanti dibincangkan bila usul Yang Berhormat sendiri akan dikemuka dan dibahaskan sepenuhnya. Jadi masa ini boleh diisi dengan perkara-perkara lain.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi saya tidak membincangkan merit atau demerit Universiti ini, tetapi mengenai pengharaman mesyuarat ini yang mempunyai kesan terhadap kepercayaan orang ramai dalam sistem demokrasi dan pentadbiran dan akan ada kesan ke atas ekonomi masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi sudah habislah kesah Universiti ini?

Tuan Lim Kit Siang: Lagi sedikit sahaja. Saya tidak akan bincang sama ada patut atau tidak patut Universiti Merdeka ini diadakan oleh kerana ini boleh tunggu.

Tuan Yang di-Pertua: Hal pentadbiran am itu tidak apalah tetapi jangan panjang sangat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, Tuan Yang di-Pertua, berucap mengenai kesihatan ekonomi kita bahawa kepercayaan orang ramai samada dalam negara atau di luar terhadap Rule of Law dikekalkan dan di Malaysia nampaknya kita telah sampai ke satu peringkat di mana perkara mencapai tujuan-tujuan yang dibenarkan di sisi undang-undang dan Perlembagaan melalui cara-cara demokrasi, undang-undang dan Perlembagaan telah dikatakan akan mengancam ketenteraman awam dan keselamatan negara. Dengan membuat demikian ini hanya akan mendalamkan lebih lagi perasaan putus asa dan kebencian sebilangan besar rakyat dalam

proses undang-undang, demokrasi dan Constitution dan ini secara terang-terang tidak akan menguntungkan kemajuan dan pembangunan ekonomi negara kita.

Saya dapat tahu Majlis Universiti Merdeka semalam telah mengutuskan sepucuk kawat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan saya berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan campurtangan dalam hal ini dan mengarahkan supaya pengharaman ke atas mesyuarat yang dikenakan oleh Ketua Polis Wilayah Persekutuan di bawah peraturan-peraturan Akta Keselamatan Dalam Negeri akan dilonggarkan.

Tuan Yang di-Pertua, antara sebab kenapa pengharaman ini dikenakan ialah oleh kerana perkara ini akan dibincangkan dalam Parlimen. Saya rasa tidak ada apa-apa amalan atau undang-undang yang mengatakan oleh kerana sesuatu perkara yang akan dibincangkan dalam Parlimen bahawa rakyat tidak boleh bincang perkara itu dan saya rasa untuk mengamalkan demokrasi yang bererti bukan sahaja rakyat mesti diberi peluang untuk bincang perkara ini oleh kerana Parlimen tidak boleh bergerak dalam satu vaccum dan adalah perlu pandangan-pandangan orang ramai diambil perhatian ketika membahaskan perkara-perkara yang penting supaya Ahli-ahli Parlimen boleh mendapat tahu fikiran-fikiran orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mengikuti Laporan Perbendaharaan Bab 6 mengenai Quality of Life dalam negara kita, Table IV menunjukkan peratus murid-murid kita yang dapat peluang untuk pelajaran tinggi dan bila dibandingkan dengan negara-negara lain angka-angka di Malaysia tidak begitu favourable.

Untuk tahun 1975 baru 3% daripada yang boleh pergi ke Universiti atau dalam University age group antara umur 20 tahun hingga 24 tahun di Malaysia yang dapat peluang memasuki universiti atau institut pelajaran tinggi berbanding dengan 8% di Singapura, 20% di Phillipines, 10% di Republic of Korea, 22% di Australia dan 25% di Japan. Thailand yang mempunyai peratus yang kurang iaitu 2%; dan di negara kita ada keperluan untuk melipatgandakan peluang-peluang pelajaran tinggi untuk anak-anak kita baikpun melalui belanja Kerajaan dengan mengembangkan tempat-tempat

pelajaran tinggi atau dengan menubuhkan universiti-universiti baru atau melalui sumbangan orang ramai melalui universiti-universiti swasta. Kerajaan sedang belanja \$1,943 juta untuk pelajaran daripada Operating Expenditure yang berjumlah \$8,709 juta untuk tahun hadapan dan apa yang kita perlu perhatikan ialah perbelanjaan untuk keselamatan adalah lebih kurang serupa.

Jumlah yang akan dibelanjakan untuk pelajaran ialah \$1,924 juta.

Saya rasa angka ini satu angka yang boleh dikatakan dan boleh disifatkan sebagai sangat tinggi di masa depan dengan kemungkinan akan berlaku pengambilan alih kuasa oleh military di negara ini tetapi kalau wang ini dibelanjakan atas perkara-perkara pelajaran dan perkhidmatan sosial ia akan mendapat kesan dan hasil yang lebih baik untuk negara kita.

Akhirnya, asas keselamatan di negara kita bukan bergantung kepada berapa bilion yang kita belanja untuk keselamatan untuk membeli barang-barang atau benda-benda pertahanan tetapi dengan mengadakan satu negara atau rakyat yang bersatu-padu, harmoni dan gembira.

Saya percaya kalau sebahagian perbelanjaan ini disalurkan daripada keselamatan kepada tujuan mengujudkan kerja untuk mereka yang tidak bekerja, rumah untuk mereka yang tidak berumah dan tanah untuk mereka yang tidak bertanah dan membekalkan peluang-peluang pelajaran untuk mereka yang sekarang tidak mendapat peluang-peluang pelajaran. Dengan ini kesan atas keselamatan akan lebih kekal.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapannya, Yang Berhormat Menteri Kewangan mengatakan satu angka yang berjumlah \$421 juta akan dibelanjakan untuk mengadakan dan membekalkan 6,968 bilik darjah di sekolah-sekolah rendah dan 4,483 bilik darjah di sekolah menengah.

Dalam pengalaman saya, saya dapati bahawa khasnya dengan Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan China peringkat rendah mereka selalu menghadapi masalah untuk mendapat kewangan dan sokongan daripada pihak Kementerian Pelajaran untuk membaharui kemudahan-kemudahan dan bangunan-bangunan. Saya harap perkara ini akan

mendapat perhatian yang sewajarnya dan kalau boleh mengadakan satu fund tahunan mungkin sebanyak \$25 juta untuk tujuan membaharui bangunan-bangunan dan kemudahan-kemudahan di dalam Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China.

Lagi satu masalah yang selalu saya hadapi ialah apa yang saya dapati daripada ibubapa iaitu mengenai kesusahan mereka untuk mengadakan atau mendapat persetujuan pihak Kementerian untuk mengadakan Sekolah-sekolah Rendah China yang baru. Satu contoh yang baik ialah di Petaling Jaya di mana kalau kita mahu mengikut demand kita sekurang-kurangnya mesti mengadakan dua buah sekolah rendah China yang baharu dan di Sibui di mana saya baru-baru ini berada, terdapat juga demand itu dan saya berharap perkara ini tidak akan berlarutan dan diabaikan.

Apabila saya berada di Sarawak saya pun mendapati masalah-masalah yang dihadapi mengenai penubuhan kelas-kelas baru di Sekolah Rendah China. Di Kuching misalnya, saya mendapati bahawa Sekolah Chung Hwa I dan Sekolah Chung Hwa II ada meminta kelas-kelas tambahan dan setiap sekolah meminta satu kelas baru.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Tetapi permintaan itu nampaknya ditolak. Tetapi Sekolah Chung Hwa II yang tidak minta kelas tambahan diarah tubuhkan dua kelas baharu tetapi oleh kerana tidak ada tempat mereka terpaksa meminjam classroom daripada sekolah Chung Hwa I. Saya rasa ini adalah satu bureaucratic nonsense di mana sekolah-sekolah yang mahu kelas tambahan tidak diberi kelas tambahan dan sekolah yang tidak minta kelas tambahan diberi kelas tambahan tetapi tidak mempunyai tempat dan mereka terpaksa meminjam kelas dari sekolah lain. Akibatnya murid-murid yang susah.

Sebelum saya bincangkan perkara lain, saya harap semasa menggulung perbahasan, Menteri Pelajaran akan memberi satu penjelasan mengenai angka-angka yang bercanggah yang beliau beri dalam Dewan ini dalam masa soal-jawab pada 10hb Oktober, 1978 apabila beliau menjawab soalan rakan saya dari Seremban. Yang Berhormat Menteri Pelajaran berkata bahawa pemohon-pemohon

untuk course-course ijazah dalam 5 buah universiti berjumlah 11,938. Dan antaranya 4,400 yang berjaya dan mengikut pecahan kaum ialah:

Bumiputra	2,881 orang
China	1,210 "
India dan lain-lain ...	309 "

Tetapi dalam perbahasan terhadap Usul saya untuk mendapat izin Dewan ini untuk meminda Akta Universiti dan Universiti Kolej, Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah memberi angka-angka yang berlainan ialah pada tahun ini 30,265 pemuda-pemuda telah memohon masuk universiti-universiti tempatan dan di antaranya 23,828 orang gagal mendapat tempat. Angka-angka ini bercanggah dengan angka-angka yang diberi di dalam soal jawab, saya haraplah bahawa dalam masa winding-up, Yang Berhormat Menteri boleh memberi satu penjelasan atau reconcile kedua-dua angka ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya melawat Sarawak akhir bulan lalu, saya telah berjumpa dengan petani-petani yang menanam lada hitam dan mendapat tahu first hand betapa miskin dan susahny golongan manusia ini.

Dalam pilihanraya besar baru-baru ini mereka telah mendapat satu jaminan bahawa duty export untuk lada hitam akan dikurangkan hingga sebanyak 60% dan tentulah oleh kerana jaminan ini, pihak Barisan Nasional di Sarawak mendapat undi lebih khasnya SUPP, tetapi apabila mereka kaji export duty baru mereka sangat susah hati oleh kerana sebenarnya penanam lada hitam tidak beruntung daripada perubahan export duty ini.

Benar, sungguhpun sejak 20hb Julai tahun ini harga dutiable untuk lada hitam lebih daripada \$110 sepikul apabila dibandingkan dengan \$40 sepikul dan harga yang dutiable untuk white pepper ialah \$130 sepikul bila dibandingkan dengan \$55 dahulu tetapi sebenarnya ini bukan satu perubahan yang besar. Oleh kerana kalau harga baik pun lada hitam atau lada putih ialah harga dulu apabila benda ini attract the duty penanam lada hitam ini tidak boleh dapat peluang kos menanam lada dan mereka akan bengkerap. Dengan sebab itu pertukaran tersebut tidak bererti, sebenarnya tidak praktik atas kertas.

Dan di dalam perubahan cukai eksport untuk lada, kadarnya telah meningkat 50% pada satu peringkat berbanding dengan harga pasaran. Ertinya ialah Kerajaan akan kutip 50 sen setiap ringgit lebih daripada satu harga pasaran dunia.

Apa yang saya faham harga ini di mana 50% eksport levy dikenakan bukan satu harga pasaran di mana petani-petani lada mendapat untung yang besar. Sebenarnya mereka mendapat untung lebih kurang \$250 sebulan atau \$300 sebulan. Kalau begitu macam mana Kerajaan yang kata mahu tolong orang miskin boleh sampai hati untuk mengenakan cukai yang begitu tinggi.

Dalam cukai pendapatan orang yang mendapat \$50,000 satu tahun atau lebih daripada \$4,000 satu bulan barulah dikenakan 50% cukai, tetapi sekarang petani lada yang dapat lebih kurang \$300 sebulan dikenakan export duty sebanyak 50%. Saya rasa ini sangat tidak adil dan bukan sahaja tidak adil tetapi juga sangat exploitative. Angka \$250-\$300 ini tidak termasuk kos untuk fertiliser atau labour costs. Dalam mesyuarat saya dengan petani-petani lada, adalah meyakinkan saya bahawa Kerajaan mestilah beri satu consideration yang khas untuk petani-petani lada. Saya juga berharap kalau Yang Berhormat Menteri Kewangan berpeluang pergi ke Sarawak dan berjumpa dengan petani-petani lada dan dapat dengan first hand masalah-masalah yang mereka hadapi. Sebenarnya mereka bukan orang yang kaya, mereka mempunyai banyak masalah khususnya masalah penyakit foot-rot disease di mana di Sarikei terdapat 40% vines lada mati. Sebagaimana yang saya tahu lada memerlukan masa dua tahun gestation period sebelum boleh berhasil dan kalau lepas dua tahun keluar investment, labour, tahun ketiga atau tahun keempat kena foot-rot disease, mereka kehilangan semua.

Dalam lawatan saya ke Sarawak saya ada berjumpa dengan petani-petani di mana mereka kehilangan tanaman dan tidak ada lain-lain kerja. Ini satu keadaan yang sangat menyusahkan hati, dengan sebab itu saya mendapat tahu bahawa di Sarawak ada pepper subsidy scheme. Tetapi apa yang saya dapat tahu sekim ini sangat tidak memuaskan hati, sangat irregular oleh kerana mereka yang sebenarnya menanam lada tidak mendapat hasil. Sebaliknya orang yang tidak menanam lada mendapat hasil oleh kerana mereka mempunyai satu cara untuk memberi

sekim ini, iaitu siapa yang mempunyai tanah itu. Dengan sebab itu saya berharap bahawa satu kajian baru terhadap masalah lada hitam dan lada putih boleh diadakan oleh Kementerian Kewangan supaya segolongan yang sangat miskin boleh dapat ditolong. Menanam lada hitam adalah merupakan satu high risk yang boleh ditunjuk daripada hakikat di mana tidak ada estet-estet, ladang-ladang untuk pepper dan oleh kerana kalau tidak ada high risk tentulah boleh mendapat untung yang besar sekiranya ladang-ladang diadakan secara besar-besaran. Sebenarnya ladang tanaman lada diselenggarakan secara keluarga sahaja dengan labour cost sendiri dan dengan itu satu cara yang effective untuk membantu petani-petani lada yang kebanyakannya terdapat di negeri Sarawak ialah untuk menghapuskan cukai eksport lada.

Saya rasa perkara ini bukan sahaja boleh terus memberi faedah kepada petani-petani lada dan boleh membantu serta meninggikan taraf kehidupan mereka. Saya percaya bahawa cadangan ini boleh mendapat persetujuan atau sokongan daripada Menteri Pertanian Negeri Sarawak, kalau Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh berhubung dengan beliau, dan tentulah masalah ini boleh dapat gambaran yang lebih jelas.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bincangkan perkara yang lain ada satu perkara di Sarawak yang saya ingin kemukakan oleh kerana apabila saya berada di sana mereka meminta saya mengemukakan beberapa perkara yang melibatkan kepentingan mereka. Perkara ini ialah mengenai Customs Import Duty sebanyak 25% dan 5% surtax, 5% sales tax yang dikenakan pada stationary dan marine diesel engine yang lebih daripada 100 kuasa kuda (horse power). Sungguhpun ada dua assembly plants di Peninsular Malaysia yang mengassemble "Lister" dan "Yanmar" stationary dan marine diesel engine tetapi mereka tidak assemble engine yang lebih daripada 100 horse power, dengan sebab itu khususnya untuk Sabah dan Sarawak di mana mereka tidak dapat berhubung (communication) yang maju. Mereka perlu jentera-jentera untuk pembangunan di Sarawak dan Sabah bagi mengadakan industri-industri yang lebih untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan meninggikan taraf penghidupan rakyat oleh kerana dalam negeri Sarawak 80% communication ialah bergantung kepada perairan. Dengan sebab itu engin-engin baikpun marine dan stationary engine yang lebih daripada 100 horse power

sekarang mesti diimport. Ini satu permintaan supaya Kastam Duti, sales tax dan surtax dikesualikan sehingga negara kita boleh mengadakan kilang-kilang yang boleh assemble engine ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Budgetnya apabila mengumumkan kekurangan excise duty ke atas bas daripada 15% ke 5% dan potongan engine tax ke atas bas sebanyak 25% dan penghapusan passenger seat tax, ini adalah harapan beliau bahawa langkah-langkah ini boleh memperbaiki perkhidmatan public transport khususnya dalam bandar. Langkah untuk memperbaiki public transport khususnya di dalam bandar tidak boleh dicapai dengan harapan sahaja.

Saya masih ingat lagi di tahun lalu apabila Kerajaan tunduk kepada desakan-desakan pihak-pihak syarikat-syarikat bas (bus companies) untuk menaikkan tambang dan pada masa itu Pemangku Perdana Menteri iaitu Timbalan Perdana Menteri apabila mempertahankan kenaikan tambang dengan mengatakan perkara ini adalah perlu, tetapi dengan syarat bahawa bus operators mesti memperbaiki perkhidmatan bas, tetapi setahun sudah lepas, kita tidak lihat apa-apa kebaikan dalam perkhidmatan bas, sebaliknya mereka kata perkhidmatan sudah lebih teruk. Kita nampak di bandar-bandar orang ramai terpaksa cram ke dalam bas dan boleh menimbulkan satu disgrace kepada negara kita. Saya rasa public transport merupakan satu perkara yang sangat rumit. Adakah perkhidmatan public transport sekarang begitu tidak baik akibat dikenakan cukai atau oleh lain-lain sebab? Dengan sebab itu, saya cadang supaya diadakan satu public inquiry mengenai masalah public transport, bagaimana kita boleh mengadakan satu public transport yang murah, cekap, dan yang berdisiplin boleh dinikmati oleh rakyat yang berpendapatan rendah.

Dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan beliau ada mengatakan bahawa Kerajaan Pusat telah mengarahkan setiap Kerajaan Negeri mengadakan satu housing unit. Ini satu langkah yang sangat wajar dan kami dari pihak DAP menyokong sepenuhnya. Sebenarnya dalam tahun 1973 semasa membahaskan Second Malaysia Plan, Mid-Term Review, saya telah mencadangkan supaya ditubuhkan satu Kementerian Perumahan yang mana masa itu tidak wujud Kementerian Perumahan. Sekarang sungguh-

pun terdapat satu Kementerian Perumahan tetapi sebenarnya ia belum memuaskan hati oleh kerana masalah rumah—housing shortages, tidak ada rumah untuk orang yang berpendapatan rendah masih wujud, prestasi Kementerian tersebut belum sampai ke peringkat yang boleh dikatakan memuaskan hati kepada sesiapa dan sungguhpun setiap Kerajaan Negeri akan mengadakan State Housing Unit, saya harap apa yang lebih mustahak bukanlah adanya satu unit yang baru, bukan sahaja ada peruntukan wang, tetapi kebolehan pentadbiran untuk melaksanakan projek-projek perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Budget ini untuk tahun 1979 angka dekat \$13,570 juta ialah satu angka yang besar dan kita dapati bahawa Kerajaan Persekutuan akan melabur lagi \$94 juta dalam tahun 1978 dalam public authority dan syarikat-syarikat public dan jumlah akan meningkat \$1,130 juta di mana angka-angka dan wang bermillion akan terlibat. Saya rasa perkara ini menimbulkan dua masalah samada Kerajaan Persekutuan mempunyai implementation capacity dan samaada jentera pentadbiran kita ada kecukupan untuk menggunakan wang ini dengan tujuan menguntungkan rakyat. Rekod dan sejarah perkhidmatan pentadbiran tidak menunjukkan bahawa akan terdapat pembaharuan-pembaharuan utama di dalam pentadbiran sungguhpun kita dengar bahawa Kerajaan akan melancar satu program untuk retool jentera pentadbiran.

Baru beberapa bulan dahulu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita telah berkata bahawa pentadbiran negara kita masih berlandaskan kepada cara-cara abad sembilan belas atau nineteenth century methods dan bahawa satu kajian menyeluruh sedang dijalankan untuk meningkatkan kecekapan dan productivity di dalam semua Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan. Beliau telah berkata bahawa Kerajaan ingin membaiki jentera pentadbiran dengan menggunakan teknik-teknik pengurusan moden seperti kegunaan besar komputer-komputer, perkumpulan teknik maklumat oleh satu system centralised data bank dan juga teknik-teknik pengurusan yang refined seperti work-flow and time-span analysis.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bukanlah merupakan orang pertama yang mendapati cara-cara nineteenth century

digunakan dalam pentadbiran di Malaysia. Sejak tahun 1965 Kerajaan telah meminta dua orang pakar dalam perkara pentadbiran—Professor John Montgomery dan Professor Esman menjalankan satu kajian mengenai pentadbiran awam di Malaysia dengan tujuan memperbaiki sistem pentadbiran dan mencapai kecekapan yang lebih serta pimpinan pentadbiran dalam perkhidmatan awam untuk menampung keperluan sebuah negara yang dinamik dan sedang maju dengan pesat dan mengeluarkan satu laporan khas mengenai kajian mereka. Professors Montgomery dan Esman telah mendapati bahawa perkhidmatan pentadbiran kita adalah satu supporting system pentadbiran nineteenth century dan mereka telah memperakukan beberapa cadangan untuk memodenkan dengan segera perkhidmatan pentadbiran negara kita. Mereka mendapati sistem pentadbiran itu tidak menghasilkan “adequate results” largely because they have not incorporated many modern and progressive management practices employed by other Governments.

Dalam bulan Mei, 1966 pihak Kerajaan . . .

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, koram tidak cukup.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 26 Ahli hadir).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat dari Petaling.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, dalam bulan Mei, 1966 Kerajaan dengan pengumuman yang besar telah mengumumkan bahawa Kerajaan telah menerima dengan penuh blueprint Montgomery/Esman itu untuk memodenkan sistem pentadbiran dan mengalihkannya dari cara nineteenth century itu dan mula melaksanakan recommendation laporan Montgomery/Esman itu yang bertujuan menambahkan kederasan perkhidmatan, mengurangkan kos dan memperbaiki mutu perkhidmatan Kerajaan. Rekomendasi-rekomendasi utama laporan itu ialah:

- (1) mewujudkan sebuah Development Administration Unit di dalam Jabatan Perdana Menteri yang akan mempunyai analisa-analisa pengurusan yang berprofesyenel untuk merancang dan memandu rancangan-rancangan utama dalam memperbaiki pentadbiran.

- (2) memperbaiki rancangan pendidikan dan latihan Kerajaan di semua peringkat dalam perkhidmatan awam.
- (3) menguatkan kecekapan profesyenel MCS supaya ia boleh memberikan pimpinan pentadbiran yang perlu untuk negara ini yang sedang maju dengan pesatnya.

Apakah hasil Blueprint Montgomery/Esman ini untuk memodenkan sistem pentadbiran di Malaysia? Seperti mana dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada bulan April lalu di dalam Mesyuarat Majlis Tanah Kebangsaan, selepas 13 tahun, selepas rancangan untuk memodenkan perkhidmatan pentadbiran dibuat, pentadbiran kita masih berdasarkan kepada cara-cara nineteenth century. Lojik Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kepada teknik-teknik pengurusan moden khususnya tentang sistem work-flow bukannya tidak diketahui oleh pentadbir-pentadbir awam dalam tahun-tahun enam puluhan tetapi perlaksanaan dan kemodenannya telah ditentang oleh MCS sendiri. Ini menerangkan mungkin kenapa Development Administration Unit yang diwujudkan sebagai badan utama untuk memodenkan pentadbiran awam telah menjadi pada hari ini satu badan yang tidak berkesan di mana beberapa tanggungjawab-tanggungjawab yang seharusnya dipikul olehnya telahpun dirampas oleh Jabatan-jabatan lain. Yunit Kemajuan Pentadbiran (DAU) yang ditubuhkan untuk menghapuskan the “seven deadly sins of administration” telah menjadi mangsa kepada satu sin antaranya, ialah rasa cemburu dan peperangan di antara Jabatan-jabatan. INTAN (Institut Tadbiran Awam) yang ditubuhkan selepas Blueprint Montgomery/Esman dikeluarkan untuk meninggikan kecekapan pentadbiran profesyenel telah gagal dalam tujuannya kerana sesebuah pokok boleh diadili menurut buah-buahan yang dihasilkan itu dan hasil INTAN ialah selepas 13 tahun cara-cara nineteenth century dalam cara-cara amalan pentadbiran.

Dalam masa beberapa minggu ini rakyat Malaysia telah mendapat tahu bagaimana pegawai-pegawai kanan Kerajaan serta juga pentadbir-pentadbir Kerajaan telah membuat kesilapan demi kesilapan dan adalah amat menakutkan untuk mengetahui bahawa terdapat ramai pentadbir-pentadbir awam yang tidak tahu apakah yang telah terjadi kepada wang awam yang begitu banyak di bawah

jagaan mereka. Cuma satu kajian yang dibuat dari luar MCS iaitu satu kajian yang bukan dijalankan oleh pihak pentadbiran awam untuk menentukan sebab-sebab mengapa Blueprint Montgomery/Esman gagal boleh menghasilkan results kerana pihak MCS mempunyai vested interests untuk mengekalkan cara-cara abad kesembilan belas dan mentality penjahnya.

Saya menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengadakan satu kajian dari luar iaitu bukan satu kajian yang dijalankan oleh pentadbiran awam sendiri ke dalam sistem pentadbiran negara kita. Sebuah Jawatankuasa Parlimen akan menjadi satu badan yang sesuai untuk menjalankan kajian tersebut kerana satu pentadbiran awam yang merupakan 19th Century yang tidak akan dapat menampung keperluan moden rakyat Malaysia seperti ditunjuk oleh beberapa contoh, seperti Peraturan Cermin Gelap untuk kereta-kereta yang telah menjadi disastrous, kemunduran dalam perkhidmatan dan taraf pentadbiran seperti terdapat perhimpunan sebanyak 70,000 kes penukaran hakmilik kepada pesaka-pesaka dan survivors, orang-orang yang telah meninggal, kes-kes mengenai pembahagian tanah yang masih menunggu untuk diuruskan dan kes-kes ini telah berjumlah lebih kurang 100,000, surat-surat mengambil masa yang lebih untuk sampai ke tempat tujuannya, daripada Alor Setar ke Penang yang average mahu tiga hari baru sampai, telefon-telefon dan telex-telex yang telah menjadi satu beban dan bukan perkhidmatan lagi, dan lain-lainnya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, selepas pilihanraya umum Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mengumumkan bahawa Kerajaan baru akan berjiwa rakyat, tetapi prestasi sebenarnya Kerajaan Barisan Nasional di semua peringkat tidak menunjuk sedemikian dan Yang Berhormat Menteri Kewangan pun dalam ucapan beliau ada berkata bahawa Kerajaan mahu "enhance quality of life," dengan berikrar untuk meningkatkan mutu hidup seluruh warganegara terutama sekali yang tidak berada dengan memperluas kemudahan-kemudahan pelajaran, kesihatan, perumahan, pengangkutan dan perkhidmatan masyarakat.

Di beberapa buah negeri selepas pilihanraya umum diadakan, satu kempen besar-besaran telah dilancarkan terhadap rakyat. Di

negeri Johor umpamanya setinggian-setinggian, penjaja-penjaja yang tidak berlesen dan petani-petani yang menanam sayur-sayuran dan tanaman-tanaman di tanah Kerajaan tanpa permit telah menjadi sasaran tindakan Kerajaan. Di Keluang lebih dari 50 buah gerai kepunyaan penjaja-penjaja yang telah menaja lebih kurang 18 tahun telah diroboh tanpa diberikan tempat-tempat alternative oleh pihak berkuasa dan tanpa menghiraukan samada penjaja-penjaja ini serta tanggungan-tanggungan mereka mempunyai sumber-sumber pendapatan yang lain. Di Batu Pahat dekat Tanjung Laboh, sayur-sayuran yang ditanam di atas seluas 2,000 ekar tanah telah dimusnahkan oleh pihak berkuasa yang tidak memberikan petani-petani yang terlibat itu masa untuk menuai tanaman-tanaman mereka itu dan di Segamat pula dan juga di Bentong, Pahang dan juga di Kajang, Selangor pihak berkuasa telah merobohkan rumah-rumah kepunyaan setinggian-setinggian tanpa menghiraukan samada rakyat yang miskin ini mempunyai sebarang perlindungan atau tidak.

Dalam minggu yang lalu semasa soal-jawab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata satu bahagian keadilan sosial telah ditubuhkan di bawah Biro Pengaduan Awam, tetapi apabila saya bertanya beliau di manakah letaknya keadilan sosial di dalam tindakan-tindakan Kerajaan yang diambil terhadap penjaja-penjaja yang tidak berlesen, setinggian-setinggian dan petani-petani yang menanam tanaman-tanaman secara haram di tanah Kerajaan tanpa mengambil tindakan tentang perlunya untuk memperuntukkan mereka ini tempat-tempat yang alternative untuk menaja atau memberi mereka tanah untuk membina rumah ataupun memberikan tanah untuk bercucuk tanam. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata bahawa keadilan sosial bukan merupakan passport untuk anarchy atau bagi mereka ini untuk bertindak menentang peraturan-peraturan dan undang-undang tanahair. Saya merasa sedih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita atau Kerajaan kita pun tidak memahami bahawa keadilan undang-undang tidak semestinya bermakna keadilan sosial. Pendakwaan dan penganiayaan penjaja-penjaja yang tidak berlesen mungkin menjadi keadilan kepada pihak Kerajaan, tetapi ini bukanlah merupakan keadilan sosial yang lazimnya diertikan oleh rakyat jelata.

Sebuah Kerajaan yang berjiwa rakyat hendaklah sedia untuk menempatkan keadilan sosial atas keadilan undang-undang. Kami di dalam DAP tidak mempertahankan orang-orang yang melanggar undang-undang, tetapi ingin kami menegaskan di sini bahawa masalah-masalah seperti setinggan-setinggan, penjaja-penjaja yang tidak berlesen dan petani-petani yang menanam secara haram merupakan masalah-masalah sosial dan bukan masalah-masalah jenayah. Masalah-masalah ini timbul disebabkan kegagalan dasar-dasar dan rancangan-rancangan ekonomi dan sosial Kerajaan untuk memperuntukkan kerja, tempat perlindungan dan tanah untuk rakyat. Masalah-masalah ini ini hendaklah diluluskan oleh Kerajaan yang harus mengutamakan keadilan sosial di dalam fikirannya dan bukan penguatkuasaan undang-undang, lebih-lebih lagi masalah sosial seumpama ini tidak boleh diuruskan setaraf dengan perkara-perkara jenayah seperti gangsterism, pengedaran dadah, eksploitasi kebudayaan atau seks, tetapi di negeri Johor pula selepas pilihanraya umum, Kerajaan Negeri telah melancarkan satu kempen untuk menghapuskan tujuh sins di dalam negeri Johor yang disenaraikan sebagai gangsterism, pengedaran dan salahguna dadah, eksploitasi seks, subversive elements, penjaja-penjaja yang tidak berlesen, penanam-penanam secara haram dan setinggan-setinggan. Jika sekiranya inilah konsep Kerajaan yang berjiwa rakyat yang dilayangkan oleh Barisan Nasional, maka adalah jelas Kerajaan Barisan Nasional bukanlah berjiwa rakyat jelata, tetapi berjiwa rakyat yang elite.

Jika sekiranya terdapat dosa yang terbesar di dalam negara kita ini, dosa itu ialah rasuah yang berlaku di peringkat atasan awam dan juga di peringkat atasan politik dan bukannya penjaja-penjaja yang tidak berlesen, setinggan-setinggan atau petani-petani yang menanam secara haram tetapi tidak terdapat satu kempen hakpun terhadap rasuah yang dilancarkan. Tetapi sebaliknya satu kempen hak dijalankan terhadap rakyat biasa. Saya menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk memberikan perhatian yang serius terhadap perkara ini yang merupakan satu perkara yang serius kerana apa yang harus kita memikirkan ialah bagaimana kita dapat membantu dengan memperbaiki kehidupan rakyat biasa dan bukan memikirkan untuk menyusahkan mereka sahaja.

4.37 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun tahun ini Yang Berhormat Menteri Kewangan telah membentangkan Belanjawannya yang dikatakan Belanjawan Pilihanraya. Titik berat yang diberikan ialah Belanjawan ini akan memberikan bantuan dan keutamaan kepada rakyat yang miskin dan golongan yang tidak berada. Tetapi dalam isi kandungan Belanjawan ini kita boleh dapati bahawa rancangan-rancangan atau strategi Belanjawan ini tidaklah menitikberatkan untuk memberikan keutamaan kepada golongan rakyat yang miskin dan perlu dibantukan oleh Kerajaan dari segala seginya. Umpamanya pelepasan cukai individu. Ini adalah merupakan satu perkara yang boleh mencerminkan bahawa pihak Menteri Kewangan telah lalai terhadap masalah kemiskinan golongan yang tidak berada ini. Sebenarnya pelepasan cukai individu ini perlulah dinaikkan dari \$2,000 kepada \$4,000 sekurang-kurangnya dan isterinya perlu dinaikkan dari \$1,000 kepada \$2,000 sekurang-kurangnya. Cukai pelepasan yang dikenakan kepada anak-anak kelima-lima ini juga perlu dinaikkan. Kita menganggap bahawa langkah ini adalah mustahak untuk melepaskan pekerja-pekerja, orang yang makan gaji yang berpendapatan rendah ini bolehlah dilepaskan daripada mengalami berbagai kesusahan sosio-ekonominya.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun beberapa keturunan cukai telah dikenakan ke atas barang-barang keperluan sehari-hari, tetapi beberapa perkara seperti gula dan lain-lain barang keperluan sehari-hari tidaklah diturunkan harganya atau dilepaskan daripada cukai-cukai yang tinggi. Umpamanya ubat-ubat, seperti ubat Cina, cukainya tidaklah dilepaskan daripada cukai-cukai yang melambung tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap Belanjawan yang dikatakan berjiwa rakyat ini yang akan memberikan keutamaan kepada rakyat yang miskin ini sebenarnya perlulah dirangka untuk berasaskan kepada keperluan sosio-ekonomi rakyat yang miskin itu, bukanlah hanya berasaskan kepada segi mana yang dirangka oleh pihak Kementerian Kewangan. Itulah sebabnya kita menyeru Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan boleh memberikan keutamaan terhadap aspirasi dan kemahuan dari golongan yang tidak berada ini. Belanjawan-belanjawan yang akan diadakan pada tahun-tahun yang akan datang kita berharap dapat mempertimbangkan

bagaimana Belanjawan ini boleh memberikan bantuan baik melalui pelepasan cukai atau menurunkan cukai supaya mereka boleh menikmati segala usaha-usaha daripada pembangunan sosio-ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, di sini perlu saya menegaskan bahawa satu langkah yang mustahak juga adalah perlu diambil oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana kita dapati bahawa majoriti penyewa-penyewa rumah adalah terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah. Mereka terpaksa membelanjakan jumlah pendapatannya $\frac{1}{4}$ atau $\frac{1}{5}$ untuk menyewa rumah kepada keluarga dan mereka sendiri. Sungguhpun kita mempunyai satu akta untuk mengawal sewa tetapi akta ini hanya untuk memberikan satu perlindungan kepada rumah-rumah yang dibina sebelum 1948. Sebab itu ada sebahagian tuan-tuan rumah yang tidak ada kesedaran sosial telah lalai tanggungjawab serta bertindak untuk menaikkan sewa dengan sewenang-wenangnya. Di sini saya akan memberikan satu contoh yang typical, umpamanya, di negeri Melaka di mana ada melibatkan 43 buah rumah kedai stall dan tempat kediaman di Jalan Ngee Ann, Melaka. Saya ada menyuratkan dua kali kepada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga Perdana Menteri bagaimana seriusnya consequence tindakan yang diambil oleh tuan-tuan punya rumah itu. Mereka bukan sahaja mencari loophole di bawah undang-undang berkenaan untuk mengenakan sewa dari \$200 kepada \$600 sebulan. Bila notis diberi supaya mereka dapat memberikan satu jawapan atau suatu persetujuan sewa itu dinaikkan 300% tingginya, jika tidak dalam tempoh 7 hari mereka perlu diperintah keluar dari premises yang mereka tinggal sejak 20 tahun lalu. Tuan punya rumah itu melalui Peguamnya sekali lagi memberi surat kerana pihak penyewa tidak mahu mematuhi keputusan yang diberikan maka sewanya akan dinaikkan dari \$200 sebulan kepada \$1,200 sebulan. Ertinya penyewa-penyewa rumah itu terpaksa membayar sewa setinggi 600%. Apa yang saya khuatirkan bukanlah hanya 43 buah kedai stall yang terlibat ini, yang saya khuatir dan bimbang ialah apakah far-reaching effect dan consequence terhadap penyewa-penyewa amnya di seluruh Malaysia. Kalaulah perkembangan dan keadaan ini tidak dicegah, Tuan Yang di-Pertua, tentu lain-lain tuan punya rumah akan mengikut

jejaknya untuk menaikkan sewa yang bukan-bukan sehingga melebihi kemampuan ekonomi penyewa rumah.

Sebagai Kerajaan yang berjiwa rakyat dan Kerajaan yang bertanggungjawab, maka Kerajaan adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memperlindungan golongan yang tidak berada ini supaya mereka dapat satu tempat tinggal sebagai kemahuan sosial yang paling asas. Itulah sebabnya saya menyeru Yang Berhormat Menteri Perumahan dapat menimbang dan mengkaji semula akta yang berkenaan ini supaya rumah-rumah yang dibina selepas 1948 itu boleh diletakkan di bawah kawalan dan perlindungan Kerajaan. Sungguhpun kes-kes pertikaian ini boleh dirojokkan di mahkamah tinggi tetapi pokok masalahnya ialah berapakah orang-orang miskin seperti penyewa itu sanggup menggaji peguam-peguam untuk melawan kes-kes itu di Mahkamah Tinggi. Di sini nampaknya Kerajaan adalah mempunyai satu tanggungjawab sosial untuk memberikan satu perlindungan yang ketat dan sempurna di bawah Akta ini. Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mendesak pihak Kerajaan dapat bertindak dengan segera untuk review dan meminda Akta itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyentuh hak asasi kemanusiaan yang selalu ditekan di Malaysia dengan alasan public order, keselamatan negara dan kepentingan nasional. Dari beberapa siri kes-kes yang berlaku di Malaysia dalam tahun-tahun kebelakangan ini, kita dapati bahawa pihak Kerajaan telah menyalahgunakan khasnya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, untuk menggunakan ISA untuk menekan Ahli-ahli Parlimen seperti Ahli Yang Berhormat dari kawasan Sungai Besi dan Batu Gajah untuk menjalankan tugas mereka. Apakah kesalahan mereka dari segi undang-undang dan perlembagaan bahawa seseorang pemimpin politik seperti wakil rakyat membicarakan issue-issue seperti pelajaran seperti mana yang terjamin dalam Perlembagaan itu adakah salah?

Sungguhpun kedua-dua Ahli Parlimen DAP telah dipilih semula oleh rakyat tetapi saya dengan kesalnya mendapati bahawa Kerajaan yang dikatakan berjiwa rakyat ini tidaklah mematuhi keputusan

rakyat untuk membebaskan kedua wakil rakyat supaya mereka dapat menjalankan tanggungjawab mereka demi kepentingan negara dan rakyat yang memilih mereka.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita memang menghadapi masalah komunis dan lain-lain masalah yang dikatakan sangat mengancam keselamatan negara kita tetapi Kerajaan kita perlulah menyasiat dan mengkaji apakah sebabnya faktor-faktor ini masih mengancam keselamatan negara kita dan kesejahteraan hidup rakyat Malaysia. Bolehkah Kerajaan melalui tindakan yang menekan dan menindas ini untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh negara kita?

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Malaysia adalah merupakan sebuah negara yang dikatakan mengamalkan sistem demokrasi berparlimen tetapi Kerajaan kita perlulah menunjukkan kepada rakyat Malaysia khasnya dan rakyat dunia amnya bahawa Kerajaan adalah menjunjung tinggi hak asasi kemanusiaan yang dikatakan adalah merupakan salah satu faktor untuk mencerminkan kehidupan demokrasi yang ada di Malaysia hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak percaya bahawa hanya melalui satu tindakan yang menekan dan menindas ini boleh mengatasi masalah rakyat dan masalah negara kita. Sebenarnya sebuah Kerajaan yang berpandangan jauh (farsighted) perlulah Kerajaan menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa yang berkenaan untuk mengkaji dan meneliti segala masalah yang dihadapi oleh negara kita umpamanya dari segi pelajaran. Issue pelajaran ini sudah menjadi satu masalah yang sangat rumit dan sangat serius pada hari ini.

Sungguhpun Kerajaan telah memberikan beberapa alasan untuk mencegah dan menahan rakyat berdikari untuk membina lebih banyak universiti-universiti dan kolej-kolej kerana ini adalah merupakan satu langkah yang paling berkesan untuk menolong Kerajaan untuk mengatasi pelajaran tingginya, juga akan menolong Kerajaan mengurangkan perkembangan serius, keadaan polarisasi perkauman. Tentu rakyat berdikari dan mengeluarkan wang poketnya untuk menolong Kerajaan membina dan mengadakan lebih banyak

pusat-pusat pelajaran tinggi, tentu ada sebab-sebabnya. Kalaulah Kerajaan sanggup atau mampu untuk mengadakan lebih banyak pusat-pusat pelajaran tinggi ini tentu rakyat tidak akan mahu berusaha tungkus-lumus untuk mencari wang, membuang masa dan tenaga untuk membina universiti-universiti dan kolej-kolej. Sebenarnya Kerajaan selama ini telah gagal untuk menemui permintaan aspirasi rakyat, khasnya di bidang pelajaran tinggi. Umpamanya, setiap tahun melebihi 20,000 rakyat Malaysia yang berkelayakan pelajaran akademik yang diperlukan tetapi mereka telah dinafikan peluang untuk memasuki belajar ke lima-lima universiti tempatan untuk menuntut pelajaran tinggi mereka. Umpamanya, pada tahun 1977 melebihi 20,000 pelajar kita yang berkelayakan sesuai dan diperlukan itu tidak dapat diterima untuk melanjutkan pelajaran mereka. Pada tahun ini sudah melebihi sehingga 23,000 orang. Ini adalah menunjukkan satu gejala bahawa Malaysia perlu menambah lebih banyak universiti-universiti baik melalui belanjawan Kerajaan atau melalui wang rakyat supaya masalah pembangunan sosial ekonomi negara kita boleh diatasi.

Saya sudah menegaskan berkali-kali di Dewan ini bahawa di bawah Rancangan Malaysia Ketiga khasnya kita akan memerlukan lebih kurang 100,000 rakyat Malaysia yang terlatih dan berkemahiran terutama di bidang kedoktoran, undang-undang arkitek, akauntan dan lain-lain untuk menolong Kerajaan melaksanakan segala projek-projek yang mustahak ini. Kesannya didapati bahawa Kerajaan bukan sahaja tidak mahu menimbangkan cadangan, rayuan, jeritan daripada rakyat tetapi Kerajaan menafikan adanya masalah ini. Kita perlu mengakui kerana masalah kekurangan tenaga manusia yang mahir maka tiap-tiap tahun Malaysia adalah mengimpot begitu banyak doktor-doktor dan saintis-saintis untuk menolong Kerajaan menjalankan projeknya. Maka apakah sebabnya negara kita sendiri tidak boleh mengeluarkan rakyat yang terlatih dan berkemahiran untuk menyumbang tenaga mereka kepada negara dan masyarakat kita? Sebaliknya kita mahu terpaksa mengimpot dari luar negeri. Saya kata ini bukanlah satu langkah yang baik untuk mengatasi masalah-masalah yang kita hadapi di nation-building sekarang. Juga ini bukanlah satu langkah yang

baik untuk mengatasi pelajaran tinggi yang dihadapi oleh Malaysia hari ini. Hanya satu jalan keluar sahaja untuk Kerajaan mengatasi masalah yang serius ini. Pertamanya, ialah meluaskan tempat-tempat atau facilities yang ada di lima universiti ini. Kedua, Kerajaan sendiri terpaksa mengadakan lebih banyak pusat-pusat pelajaran tinggi sebagai latihan untuk mengeluarkan rakyat Malaysia yang lebih berkemahiran. Ketiga sebagai langkah berkesan untuk mengurangkan atau merengkan keadaan polarisasi kaum di Malaysia hari ini kerana semua pihak termasuk pemimpin-pemimpin dari Barisan Nasional adalah mengakui adanya masalah polarisasi kaum di Malaysia. Sebenarnya masalah polarisasi bukan sahaja di sisi perkauman sahaja tetapi juga berada di dalam kelas, ertinya di antara golongan yang berada dengan golongan yang tidak berada.

Tuan Speaker, sungguhpun saya pernah mengemukakan satu pertanyaan tambahan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang bagaimana Kerajaan akan berinisiatif dan bertindak untuk mengatasi masalah ini, kalau sistem ekonomi terbuka yang Malaysia amalkan ini adalah mengakibatkan Kerajaan tidak sanggup mengatasi atau membasmi sehabis-habisnya kemiskinan yang ada di Malaysia maka saya fikir sekarang sudah sampai masanya bagi negara kita meninjau dan mengkaji dengan sedalam-dalamnya tentang sistem ekonomi yang terbuka yang diamalkan di Malaysia hari ini. Kalaupun kita dapati sistem ekonomi yang terbuka ini adalah merupakan satu halangan terbesar untuk memperseimbangkan jurang di antara golongan yang ada dengan tidak berada untuk membasmi kemiskinan sepertimana yang termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru, maka apalah salahnya bagi Kerajaan kita untuk mengambil satu tindakan yang berani dan far-sighted untuk meninjau keseluruhannya sistem dan dasar ekonomi yang kita amalkan selama 21 tahun ini.

Tuan Speaker, saya sangat khuatir bahawa dengan cara pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru hari ini selama 8 tahun, apa yang saya khuatir bukanlah bahawa Kerajaan akan kekurangan wang untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, apa yang saya bimbang dan takut ialah caranya tidak akan mencapai matlamat utama

Dasar Ekonomi Baru di mana masyarakat akan disusun semula, di mana masalah kemiskinan akan dikikis dari penghidupan mereka sehari-hari. Sungguhpun selama ini saya tidak dapat satu angka boleh meyakinkan bahawa Kerajaan telah berjaya untuk menurunkan taraf kemiskinan khususnya di masyarakat Melayu, tetapi apa yang saya nampak pada mata kasar saya ialah peluang-peluang untuk membasmi kemiskinan dengan cara baik menambah peluang pendapatan atau meninggikan daya pengeluaran atau daya pekerjaan golongan yang miskin ini telah diberi oleh Kerajaan di bawah Dasar Ekonomi Baru, tetapi satu kenyataan yang tidak boleh dinafikan oleh sesiapa-pun ialah kebanyakan peluang-peluang ini telah dirampas oleh segelintir orang yang berada, oleh segelintir orang yang berhubung rapat dengan pihak pemerintah, oleh segelintir orang yang kaya raya. Saya telah memberi banyak contoh baik di seluruh Malaysia amnya atau di negeri Melaka khususnya. Dua hari yang lepas bila saya diminta oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bagaimana cara-caranya untuk mengatasi masalah ini atau untuk mengatasi penyelewengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, saya telah menegaskan, di antaranya, dua cara ialah Kerajaan perlu mengadakan satu dasar tanah yang radikal yang boleh membawa satu faedah kepada rakyat yang menghausi tanah juga membawa satu faedah kepada pertumbuhan ekonomi negara kita.

Saya akan berikan contoh yang banyak, umpamanya, di Negeri Melaka SEDC, saya telah tegaskan, SEDC banyak mengambil tanah rakyat umpamanya di Mata Kuching, Batu Berendam dan lain-lain tempat. Tanah-tanah ini semua dimiliki oleh rakyat bumiputra yang miskin tetapi di bawah alasan Dasar Ekonomi Baru, di bawah alasan Kerajaan mahu melaksanakan projek-projek sosio-ekonomi, tanah-tanah diambil dengan bayaran yang sangat rendah sekali iaitu harganya 10 sen, 15 sen dan 17 sen tetapi bila tanah-tanah ini diambil, kaum bumiputra yang miskin ini dihalau, projek yang dijalankan hanya untuk menguntungkan segelintir orang yang berada sahaja.

Umpamanya, projek perumahan yang diadakan oleh swasta dan PKEN (SEDC) Melaka, harganya adalah melebihi kemampuan ekonomi orang-orang yang berpendapatan rendah. Sanggupkah seorang rakyat yang miskin yang bergaji rendah untuk membeli rumah-rumah yang berharga \$60,000, \$57,000 dan \$83,000. Inilah yang saya katakan salah satu sebab yang mengakibatkan kemiskinan dan kemunduran kaum bumiputra adalah disebabkan dasar pentadbiran Kerajaan sendiri, kerana Kerajaan bila melaksanakan Dasar Ekonomi Baru ini sudah lalai. Apakah prioriti akan diberikan untuk melaksanakan umpamanya projek perumahan, adakah projek perumahan yang dilaksanakan itu perlu memberikan keutamaan kepada rumah-rumah yang berharga tinggi atau rumah-rumah yang berharga rendah. Tentu dalam segi objektif Dasar Ekonomi Baru, rumah-rumah kos rendah perlu diutamakan tetapi kebanyakan projek-projek perumahan yang dijalankan oleh PKNM di Melaka adalah sebaliknya, artinya rumah-rumah yang berharga tinggi dibina, sebaliknya rumah-rumah kos rendah ini dikurangkan. Tetapi harga tanah yang dijual kepada rakyat kita harganya ialah sangat tinggi sekali \$2.00 satu kaki persegi. Tetapi bila SEDC mengambil tanah daripada rakyat yang miskin itu hanya dibayar 10 sen atau 17 sen sahaja. Adakah ini merupakan satu cara dan dasar pengambilan tanah yang adil terhadap golongan yang miskin itu. Di sini saya perlu menyeru Kerajaan supaya cara dan dasar pengambilan tanah ini perlu diperbetul supaya rakyat yang terlibat dalam projek pembangunan ini boleh diberikan segala bantuan baik dari bentuk kewangan atau bentuk kemudahan yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga dapati SEDC sebagai ejen pembangunan sosio-ekonomi Kerajaan yang mustahak ini banyak melaksanakan projek-projek dengan penyelewengan. Mereka mengadakan satu projek umpamanya di Negeri Melaka, satu contoh Projek Jaya yang terlibat beribu-ribu yunit rumah yang akan mengadakan juga projek perindustrian ringan di Malim Jaya. Tanah ini adalah tanah milik SEDC Melaka tetapi SEDC sebagai sleeping partner sahaja dengan menjualkan tanah kepada pihak swasta yang dinamakan Malim Jaya Melaka Sendirian Bhd. Di sini saya perlu memberitahu Dewan ini bahawa cara memberikan tender oleh SEDC kepada pihak swasta ini nampaknya

ada terlibat abuse of power dan korupsi, Tuan Yang di-Pertua. Kerana saya dapati dari siasatan saya hanya seorang dua yang membuat tender ini dapat diberitahu, tetapi kebanyakan rakyat Malaysia yang berkelayakan untuk menjalankan projek ini langsung tidak sedar adanya projek ini ditawarkan untuk pelaksanaan oleh pihak swasta. Di sini saya menyeru kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat mengawasi perkara yang serius ini. Saya ada melaporkan secara rasmi sekurang-kurangnya tiga kali kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan BSN tentang salahguna kuasa ini, malpractices dan korupsi yang mungkin terlibat dalam perkara ini. Kalau tidak apakah sebabnya hanya sebuah syarikat sahaja dapat tahu berjaya mendapat tender itu yang melibatkan multi-million dollars projek, bukan sejuta atau dua juta ringgit. Bila projek ini diberikan kepada pihak swasta ini, pihak swasta ini menggunakan peluang ini bukan sahaja menaikkan harga yang tinggi atas tanah, juga bengkel-bengkel yang akan dibina, juga rumah yang dibina, malahan mereka masih menerima under counter payment melebihi \$13,000 sebagai wang minum teh untuk mendapatkan tapak yang dibookednya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini kita boleh nampak bagaimanakah SEDC sebagai ejen yang katanya mahu melaksanakan projek Kerajaan untuk membasmi kemiskinan ini boleh memberi panduan dan boleh membawa faedah kepada negara kita dan rakyat amnya. Sebab itu saya selalu menegaskan bahawa cara dan dasar pelaksanaan projek yang di bawah SEDC ini perlulah dikaji semula, perlulah disusun semula supaya segala projek-projek yang dijalankan ini baik perusahaan atau perumahan dan lain-lain bidang seperti dalam pembelian saham perlulah diberi keutamaan kepada rakyat yang miskin itu. Kalau tidak, bagaimana objektif Dasar Ekonomi Baru boleh dijayakan boleh dicapai dalam tahun 1990, tentu pihak Kerajaan akan memberitahu Dewan ini bahawa berapa banyak saham telah diberi, berapa wang telah dilaburkan, berapa persen telah dimiliki oleh bumiputra tetapi masalah pokok yang perlu kita semua perhatikan ialah berapa persen penyertaan ekonomi kaum bumiputra ini diambil oleh golongan bumiputra yang miskin. Kalaulah kek ekonomi ini hanya terletak di tangan segelintir bumiputra sahaja, umpamanya, dalam jangka masa itu mencapai 30%, kalaulah 30% ini

hanya di tangan 5% bumiputra yang berada dan majoriti 95% masih begitu miskin, papa dan termundur, adakah ini bererti bahawa Kerajaan telah berjaya mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Dari anggapan saya, ini tidak. Bukan sahaja matlamat Dasar Ekonomi Baru tidak dicapai melainkan satu masalah baru telah dicipta iaitu lompong di antara yang kaya dengan yang miskin ini di kalangan masyarakat bumiputra telah lahir di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya timbulkan perkara ini kerana saya anggap perkara ini perlu diperhatikan oleh Kerajaan dan juga tindakan yang mustahak dan sewajarnya perlulah diambil untuk menyusun semula cara pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Kalau pada nama sahaja, pada angka sahaja sudah mencapai matlamat ini tetapi pada isinya, hakikatnya majoriti rakyat yang miskin khususnya kaum bumiputra masih lagi miskin, saya fikir bukan sahaja masalah kemiskinan tidak dapat diatasi juga masalah perpaduan rakyat pun tidak akan diselesaikan dalam jangka masa yang kita adakan itu.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya perlu menarik perhatian pihak Kerajaan bahawa sungguhpun Kerajaan sudah banyak membelanjakan wangnya di bidang kesihatan untuk mahu melihat rakyat kita mempunyai satu taraf kesihatan yang tinggi tetapi yang mustahak sekali bukan sahaja kita membelanjakan berjuta-juta ringgit tiap-tiap tahun untuk membeli ubat-ubat di rumah-rumah sakit sahaja tetapi yang mustahak juga Kerajaan perlu menggalakkan rakyat mempelajari bagaimana menjaga kesihatan mereka, sungguhpun di tiap-tiap daerah, di tiap-tiap negeri ada mempunyai kemudahan hospital untuk memberikan perkhidmatan perubatan kepada rakyat kita amnya tetapi salah satu masalah yang kita hadapi pada hari ini ialah perkhidmatan rumah sakit ini adalah sangat-sangat tidak memuaskan. Umpamanya, di negeri Melaka ramai doktor-doktor telah meninggalkan perkhidmatan rumah sakit. Pada minggu yang lepas seorang pakar perubatan juga meninggalkan perkhidmatan perubatan negara kita. Ini adalah satu masalah yang serius yang perlu diambil berat oleh Kerajaan untuk mengkaji apakah sebabnya yang mengakibatkan begitu ramai ahli-ahli perubatan dan pakar-pakar perubatan meninggalkan perkhidmatan perubatan negara kita.

Tentu Kerajaan akan memberikan jawapan bahawa syarat-syarat pekerjaan (condition of employment) dan lain-lainnya mengakibatkan mereka meninggalkan perkhidmatan, tetapi apakah sebabnya? Salah satu faktor yang utama ialah frustration yang sangat meluap-luap sekali di kalangan kakitangan perubatan. Ini satu perkara yang perlu kita semua mengambil berat. Juga kebanyakan rakyat Malaysia yang professional telah migrate ke seberang laut. DAP tidak berkata ini cara yang baik untuk mengatasi masalah kita. DAP akan menuduh orang ini yang tidak bertanggungjawab telah meninggalkan Malaysia bila Malaysia menghadapi masalah. Tetapi pokok masalah yang perlu kita atasi ialah mencari jalan keluar untuk mengatasi masalah yang kita hadapi hari ini.

Di sini saya perlu menegaskan selain daripada Kerajaan menitikberatkan perubatan moden dan kebaratan, saya juga menyeru Kerajaan perlu memberikan titikberat kepada cara perubatan Tionghua. Umpamanya, acupuncture adalah merupakan satu cara perubatan yang sangat moden bukan sahaja dipelajari di Tiong-kuoh juga di Eropah dan Amerika Syarikat dan juga banyak negara-negara yang membangun tentang cara perubatan acupuncture. Saya mencadangkan Kerajaan memberikan perhatian kerana cara perubatan acupuncture ini tidak perlu pakai apa-apa ubat yang katanya sangat mustajab tetapi banyak penyakit-penyakit yang dihadapi oleh hospital tidak boleh diubati, boleh diubati hingga sembuh dengan cara perubatan acupuncture. Kalaupun rakyat kita atau pihak Kerajaan menggalakkan rakyat kita mempelajari cara perubatan acupuncture secara langsung atau tidak langsung akan menjimatkan banyak wang Kerajaan untuk membelanjakan atas ubat-ubat yang kita beli dan juga atas perbelanjaan pentadbiran dan penggajian. Secara langsungnya juga akan mempertingkatkan taraf kesihatan dan perubatan rakyat kita.

Tuan Speaker, saya harap Kerajaan boleh menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk mengkaji cara perubatan acupuncture ini kerana saya dapati cara perubatan acupuncture ini sangat popular dan juga sangat hangat digalakkan oleh Kerajaan-kerajaan di negara-negara yang membangun seperti mana yang saya sebutkan tadi. Ini akan menolong rakyat sendiri dan juga Kerajaan

untuk mengatasi salah satu masalah perubahan dan kesihatan yang Malaysia hadapi hari ini. Sekianlah sahaja, terima kasih.

5.13 ptg.

Tuan Abdul Shukor bin Haji Siraj (Tanjung Karang): Tuan Yang di-Pertua, Saya menyokong dengan sepenuhnya usul yang diutarakan pada 20-10-1978 iaitu hari Jumaat yang lalu oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan Malaysia.

Setelah Usul peruntukan kewangan tahun ini dikemukakan di Dewan yang mulia ini dan diketahui pula oleh rakyat dalam negara ini maka seluruh rakyat bergembira dengan anggaran kewangan ini kerana mereka berpendapat bahawa barang-barang keperluannya tidak naik harga dan melambangkan masa hadapan mereka hidup dalam keadaan yang cerah ataupun kecerahan itu dapat dinikmati sekurang-kurangnya pada tahun yang akan datang.

Walau bagaimanapun saya berasa ragu dengan anggaran kewangan tersebut kerana memungkinkan sebab-sebab yang boleh menimbulkan kelemahan bagi melaksanakan pembangunan untuk keperluan rakyat dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh beberapa Kementerian sebagai contoh yang patut diambil perhatian. Saya sukacita menimbulkan tiga Kementerian sebagai contoh yang patut diberi perhatian bersungguh-sungguh. Pertama: Kementerian Pertanian, kedua: Kementerian Pelajaran dan ketiga: Kementerian Kesihatan.

Peruntukan Kementerian Pertanian ini mungkin tidak mencukupi kerana Kementerian ini perlu bertindak untuk mengatasi masalah rakyat khususnya petani-petani di luar bandar yang mana petani-petani di luar bandar itu adalah menjadi sebahagian besar penduduk di negara ini. Satu perkara yang sedang berlaku dalam negara ini samada disadari secara langsung ataupun tidak ialah kekurangan air tawar di dalam beberapa buah sungai dalam negara ini. Sebagai contoh sukacita saya menyatakan di sini Sungai Bernam yang menjadi sempadan negeri Selangor dengan negeri Perak adalah sebuah daripada sungai yang telah berkurangan air

tawar di dalamnya. Pada masa dahulu di sebuah tempat dalam Sungai Bernam yang bernama Kampung Baru iaitu di sebelah hilir bandar Sabak Bernam, air di tempat itu boleh diminum oleh penduduk-penduduk di sekitar kampung tersebut cukup tawar, sama tawarnya dengan air hujan tetapi malang dan dukacita pada hari ini air masin telah menyerang mudik ke hulu lebih daripada 25 batu daripada tempat yang dahulunya tawar, iaitu kini di sebuah tempat yang bernama Sungai Panjang yang digunakan untuk pam menyedut air daripada sungai tersebut dijadikan air untuk keperluan sawah-sawah padi di sekitar kawasan Parlimen Tanjung Karang dan kawasan-kawasan yang berhampiran dengannya telah menjadi masin.

Tuan Yang di-Pertua, air masin yang telah dialirkan ke dalam sawah ini menimbulkan beberapa akibat kepada rakyat di kawasan yang berkenaan. Yang pertama, ikan-ikan air tawar yang pada masa dahulu berkeliaran di dalam sawah dan menjadi satu daripada rezeki rakyat di kawasan itu atau petani-petani di sawah kawasan itu untuk makanannya sebagai sebahagian daripada bahan makanan mereka, kini ikan-ikan tersebut telah musnah kerana kita sedia maklum ikan air tawar mati apabila air masin berada ditempatnya. Yang kedua, air masin yang saya maksudkan ini juga telah dipam menjadi air paip untuk minuman penduduk di kawasan yang tersebut. Hampir 70,000 atau lebih kurang 70,000 rakyat di kawasan itu kecil dan besar, lelaki dan perempuan minum air paip yang terdiri daripada air masin bercampur dengan air tawar.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara ini saya telah mengadakan perbincangan dengan beberapa orang doktor di kawasan yang berkenaan apakah akibat-akibat yang tertimpa kepada manusia yang minum air masin. Mengikut pendapat doktor-doktor yang berkenaan seseorang manusia yang minum air masin dari sehari ke sehari otaknya menjadi kering. Maaf, Tuan Yang di-Pertua, kalau kasar bunyinya. Seseorang yang otaknya menjadi kering akan mendapat berbagai-bagai penyakit yang sangat merbahaya. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat doktor-doktor dalam Dewan ini bolehlah memastikan perkara ini benar atau tidak, Tuan Yang di-Pertua. Satu daripada penyakit yang bahaya dikemukakan oleh doktor tersebut kepada saya ialah penyakit gila babi.

Tuan Yang di-Pertua, cubalah kita fikirkan kalaulah manusia berpuluh-puluh ribu menerima penyakit tersebut itu adalah amat dahsyat akibatnya. Ini baru satu kawasan. Ada lagi beberapa kawasan yang mungkin keadaan yang sama begitu. Selain daripada itu sudahlah rakyat di kawasan berkenaan tidak dapat makan ikan-ikan air tawar yang sebahagian daripada makanan yang mendatangkan zat protein kepada mereka, datang pula minum air masin yang boleh mengeringkan otak mereka ini mengakibatkan rakyat dalam negara ini menjadi satu corak yang kita tidak tahu bagaimana keadaan Dewan ini kalau mereka ini duduk di Dewan ini nanti.

Oleh itu saya berpendapat Kementerian Pertanian adalah bertanggungjawab bagaimanakah satu cara yang mesti dibuat untuk mencukupkan air tawar di kawasan-kawasan yang perlu. Satu daripada kegiatan yang saya nampak sedang berjalan hari ini dan perlu diteruskan ialah kempen menjimatkan penggunaan air. Tetapi kurang pasti ataupun kita tidak mendapat laporan kempen menjimatkan air ini adakah betul-betul berkesan ataupun kempen hanya untuk melepaskan batuk di tangga sahaja.

Yang kedua, kegiatan bagi mengadakan hujan tiruan. Hujan tiruan ini juga kurang dapat dipastikan bagaimanakah hasilnya, samada memuaskan atau tidak.

Yang ketiga, apakah satu cara Kementerian atau Kerajaan yang bertanggungjawab ini untuk menawarkan air masin itu, kerana kita berbangga negara kita cukup air termasuk air masin. Kalau kita boleh menawarkan air masin sudah tentu tidak ragu-ragu lagi masalah kekurangan air ini tidak akan berlaku di dalam negara.

Selain daripada itu, pada hari ini kita terdapat beberapa sebab lagi yang menyebabkan air tawar ini menjadi kurang ialah ada kawasan-kawasan yang digunakan untuk takungan air benting untuk takungan air itu tidak cukup kuat atau tidak cukup sempurna dengan sebab hendak menjaga benting ini supaya selamat terpaksa dibuat taliair daripada benting ataupun daripada kawasan takungan air ini terus ke laut dengan tujuan semata-mata hendak membuang air dalam takungan itu ke laut untuk menyelamatkan benting. Ini ada berlaku. Untuk mendapatkan bukti, sukacita saya mempelawa pihak-pihak

yang bertanggungjawab datang ke kawasan Parlimen Tanjong Karang supaya boleh ditunjukkan.

Rasanya benting yang kurang sempurna ini adalah patut mendapat peruntukan bagi di bina dengan sebaik-baiknya daripada dialirkan air tersebut ke laut secara membazir begitu sahaja.

Selain daripada itu, patutlah juga difikirkan bagaimanakah satu cara supaya air yang telah digunakan di dalam kawasan sawah ataupun di mana-mana juga tidak dibuang begitu sahaja selepas digunakan. Kalau boleh air ini dicari satu jalan dimasukkan semula di dalam takungan dan boleh digunakan beberapa kali. Dengan cara ini adalah satu perkara yang boleh memberi peluang supaya air tawar ini tidak berkurangan dari masa ke semasa. Sudahlah petani-petani di kawasan tersebut menerima beberapa perkara yang menjadi kekurangan kepada mereka maka timbul lagi perkara iaitu musuh yang memusnahkan tanaman. Bagi kawasan Parlimen Tanjong Karang satu jenis musuh yang mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat semua maklum iaitu Bina Perang. Ada juga rakan-rakan saya menyebutkan Bina Perang. Tetapi mengikut Jabatan yang berkenaan memberitahu musuh "Bina Perang" ini telah menjadi masalah negara, kerana "Bina Perang" ini telah menyerang semua kawasan sawah padi di Semenanjung Malaysia ini, perbezaannya ialah ada kawasan telah sampai ke peringkat merbahaya seperti kawasan Parlimen Tanjong Karang dan ada kawasan sawah padi di tempat-tempat lain tidak sampai lagi peringkat merbahaya.

Di sawah padi di kawasan Tanjong Karang, Tuan Yang di-Pertua, ada sawah-sawah kepunyaan petani-petani terus musnah 100%, sebiju padi tidak dapat dikutip dan sebahagian daripadanya musnah 75% dan begitulah berperingkat-peringkat. Sebagai bukti baru-baru ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian telah datang ke kawasan Tanjong Karang untuk menolong rakyat di sana menyerang "Bina Perang" dengan menggunakan helikopter. Alhamdulillah, pertolongan tersebut berhasil juga. Tetapi sanggupkah kita sentiasa hendak menyerang, apabila "Bina Perang" ini telah menyerang lebih awal. Oleh sebab itu peruntukan yang diberi kepada Kementerian ini yang dikemukakan pada 20hb Oktober itu, saya rasa patut benar ditambah lagi.

Sudahlah padi mereka musnah, harga padi pula tidak memuaskan. Sebagaimana kita sedia maklum, kalau kita bandingkan pendapatan seorang buruh yang berkhidmat di kilang-kilang swasta dengan seorang petani di sawah padi yang mengusahakan sawah mereka adalah jauh berbeza. Seorang petani yang mempunyai sawah, yang mempunyai keluarga lima orang anak, yang mempunyai tiga ekar sawah, mereka berusaha setiap masa mengerjakan sawah itu, hitung panjang pendapatannya sebulan tidak lebih daripada \$100.00.

Jadi, ini satu masalah yang patut diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan supaya harga padi itu hendaklah diberi dengan satu nilai yang berpatutan supaya petani-petani di sawah padi dapat bersama-sama menikmati kekayaan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, di antara beberapa banyak perkara lagi yang perlu diberi perhatian oleh Kementerian ini ialah subsidi-subsidi. Semasa "Bina Perang" menyerang kawasan yang saya sebutkan itu, memang telah diberi subsidi oleh Kerajaan Negeri Selangor dan juga Kerajaan Persekutuan yang merupakan subsidi racun untuk memusnahkan musuh ini dan juga subsidi melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat yang merupakan wang tunai tetapi ini saya anggap satu bantuan yang merupakan jangka pendek sahaja. Oleh sebab itu, Kementerian ini hendaklah benar-benar mengambil perhatian mengatur satu rangka kerja dan melaksanakannya untuk jangka panjang bagi rakyat di kawasan-kawasan ini dan di kawasan yang bersamaan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, contoh yang kedua ialah Kementerian Pelajaran. Kita lihat peruntukan yang diberi kepada Kementerian Pelajaran ini adalah cukup besar. Tetapi kalau kita teliti dan halusi secara mendalam peruntukan ini masih belum mencukupi, kerana perkembangan pelajaran yang ada hari ini menghasilkan sebilangan besar rakyat cenderung bergantung kepada pihak lain. Inilah yang menyebabkan belia-belia dan beliawanis negara kita berpusing ke bandar dengan meninggalkan ibu-bapa dan desa yang mereka cintai dari semasa ke semasa. Mereka bertumpu ke bandar mengharap dapat kerja untuk menampung nafkah hidup mereka daripada Jabatan-jabatan Kerajaan, daripada Badan-badan Berkanun dan juga daripada kilang-kilang swasta.

Ada ramai belia-belia yang berkenaan membuat pekerjaan di kilang-kilang swasta tidak berasas langsung dengan ilmu yang mereka terima di bangku-bangku sekolah. Selain daripada itu ada pula yang terus menganggur kerana mereka berhajat hendak mencari pekerjaan yang sesuai dengan asas pelajaran yang ada pada mereka. Oleh itu saya sukacita mengesyorkan kepada Kementerian ini supaya pada masa yang akan datang asas pelajaran yang hendak diberikan kepada bakal jenerasi yang bertanggungjawab ialah pelajaran yang membolehkan mereka berdikari dengan tidak 100% bergantung kepada pihak-pihak lain semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita kaya dengan sumber alam semulajadi, oleh itu apakah bentuk pelajaran yang patut diberi kepada kanak-kanak supaya mereka dapat menggunakan sumber alam itu dengan sebaik-baiknya setelah mereka dewasa. Sekolah-sekolah untuk membentuk kemahiran kerja hendaklah dibanyakkan: Sekolah Pertanian, Sekolah Pertukangan dan berbagai-bagai jenis sekolah lagi untuk membolehkan rakyat berdikari hendaklah diberi keutamaan dan ditempatkan di semua daerah dalam negara kita. Kita hendaklah menanamkan satu semangat yang betul-betul membina asas dalam pemikiran penuntut-penuntut daripada sekolah kemahiran ini, bercita-cita ingin menggunakan tenaga mereka yang tersusun dan terlatih untuk membuat pekerjaan, bukanlah kebolehan mereka itu hanya hendak menjadi pegawai yang bertujuan memerintahkan orang lain membuat kerja.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini kita telah mendengar berbagai-bagai perkara yang menyebabkan kelemahan pelajaran, kesimpulannya ialah pihak yang menuduh itu tidak bersalah, tetapi semua kesalahan adalah dilakukan oleh pihak lain. Kementerian Pelajaran dan Kerajaan adalah bertanggungjawab dengan tidak dapat melarikan diri dan tidak dapat pula berpeluang untuk menuduh pihak lain pula bersalah dan bertanggungjawab. Kementerian ini hendaklah berikhtiar dengan sepenuhnya dan satu daripada ikhtiar yang patut diberi perhatian ialah melengkapkan asrama-asrama di semua sekolah-sekolah menengah dalam negara ini.

Oleh kerana banyaknya projek-projek yang hendak dilaksanakan oleh Kementerian ini, maka saya rasa peruntukan yang dikemukakan itu perlulah ditambah dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, contoh yang akhir ialah Kementerian Kesihatan. Kementerian ini diberi peruntukan yang sedemikian itu kalau kita pandang sambil lalu adalah banyak sedangkan Kementerian ini perlu melaksanakan berbagai-bagai projek untuk menjamin kesihatan rakyat. Kementerian ini perlu membina banyak lagi hospital di luar bandar dan juga membanyakkan lagi Klinik-klinik Ibu Mengandung serta Hospital-hospital Desa. Kementerian ini perlu bertindak segera untuk melengkapkan hospital yang sedia ada. Kita telah dapat banyak hospital yang tidak lengkap, menyebabkan ramai pesakit menempuh maut disebabkan oleh kekurangan perkara yang dimaksudkan itu. Kebanyakan hospital di luar bandar bergantung 100% kepada bekalan api Lembaga Letrik Negara, sedangkan bekalan api daripada Lembaga Letrik Negara selalu terputus, ini menyebabkan perkhidmatan di hospital berkenaan terganggu dan mendatangkan bahaya kepada pesakit-pesakit yang sedang dirawat pada masa itu. Begitulah juga dengan bekalan air, ada hospital yang tidak cukup bersih sebab putus bekalan air dan tidak pula mempunyai takungan air untuk menyimpan air dengan selengkapnya. Oleh itu tiap-tiap hospital hendaklah dibekalkan dengan jentera-jentera yang sesuai supaya boleh digunakan untuk membekalkan letrik semasa bekalan Lembaga Letrik Negara terputus. Di hospital-hospital juga perlu takungan air disediakan dengan secukupnya. Setelah difikirkan perkhidmatan Kementerian Kesihatan ini sangat penting maka saya bimbang kalau-kalau Kementerian ini kurang berjaya disediakan oleh peruntukan yang saya pandang begitu kecil.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini sekali lagi saya menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 20hb Oktober, 1978 yang lalu.

5.36 *ptg.*

Tuan Oo Gin Sun (Alor Setar): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Ucapan Belanjawan yang telah dikemukakan oleh Menteri Kewangan. Daripada Ucapan Belanjawan itu sukacita saya mendengar

bahawasanya ekonomi negara kita telah memenuhi pendapatan yang begitu hebat sekali daripada barangan dan pengeluaran petrol. Ini adalah satu alamat yang baik bagi negara kita, oleh sebab negara kita genap usianya 20 tahun pada tahun ini. Saya penuh berkeyakinan yang ekonomi negara kita akan terus kukuh dan matlamat perkembangan diharapkan dicapai oleh kerana perkembangan-perkembangan kehendak pasaran tempatan dan juga kehendak pasaran luar negeri kepada pengeluaran-pengeluaran kita. Walaupun kegiatan ekonomi sekarang ini memberi harapan terhadap terhadap beberapa kawasan-kawasan yang nampaknya menyusahkan, yang kelabu dan berkehendakkan perhatian Kerajaan dengan segera. Saya ingin mengwujudkan kepada perkara-perkara yang berikut.

Di sekitar dunia peralihan sedang bertambah ke arah perlindungan perdagangan dan ini menggambarkan satu daripada bahaya-bahaya yang amat besar kepada ekonomi dunia dan akan mendatangkan bahaya yang dahsyat bukan sahaja kepada negara-negara yang sedang membangun seperti Malaysia, tetapi juga kepada negara-negara yang telah maju. Kita semua tahu susunan ekonomi dunia tiada menurun ke satu arah yang tegap yang kedua-dua iaitu negara-negara yang telah maju dan negara-negara yang sedang membangun dan sedang cuba dengan bersungguh-sungguh bagi mempertahankan ekonomi yang kukuh dan memperluaskan seluas-luasnya akan peluang-peluang pekerjaan untuk golongan-golongan buruh mereka. Perlindungan bukanlah jawapannya, maka sekiranya perlindungan oleh negara-negara yang telah maju bersemangat, jangankan hendak melindungi ekonomi mereka sendiri, sebaliknya ia akan menyebabkan kemerosotan perdagangan dunia dan merosakkan setiap orang. Kita semua tahu bahawa perlindungan tarif dan quota yang diselenggarakan oleh negara-negara yang telah maju barangkali boleh jadi satu cara yang senang bagi menjawab kehendak-kehendak kesatuan-kesatuan supaya dapat mempertahankan pekerja-pekerja di dalam perindustrian-perindustrian yang tidak cekap, tetapi di dalam keadaan jangka masa panjang pekerja-pekerja itu juga yang akan menerima akibat kenaikan harga-harga dan keburukan yang disebabkan oleh tindakan-tindakan ini.

Kerajaan kita patut menekankan Kerajaan negara-negara yang telah maju bahawa kunci kepada perdagangan-perdagangan antarabangsa yang sihat iaitu memperbaiki pasaran. Sepatutnya wujud kemasukan dengan bebas pengeluaran-pengeluaran di antara negara-negara yang telah maju dan negara-negara yang sedang membangun supaya dapat dipergiatkan ekonomi.

Tentang suasana di dalam negeri saya amatlah sukacita mendengar bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah-pun berjanji untuk mengadakan kemakmuran, keadilan, kemasyarakatan dan kehidupan yang lebih baik kepada semua orang. Beliau sebenarnya telah membuat satu seruan kepada sekalian rakyat Malaysia apa juga pertolongan asalkannya supaya mewujudkan satu masyarakat yang di dalam keamanan dengan dirinya sendiri, kesabaran atau toleransi dan faham bebas atau liberal, tidak curang atau tidak korapsi dan mempunyai nilai-nilai akhlak yang terbaik. Sebaliknya pertikaian baru-baru ini di institusi-institusi pengajian tinggi telah-pun menunjukkan keluh-kesah yang banyak di antara orang-orang.

Setakat pengetahuan saya akhlak seseorang tidak boleh sekali dihad atau ditindas, malah sepatutnya kita menggalakkan pemudapemuda kita untuk menambahkan kebaikan diri mereka supaya negara kita dapat memilih bijak pandai di antara warganegara kita daripada kumpulan yang lebih besar. Adalah menjadi harapan tiap-tiap ibubapa samada miskin atau kaya dan apa juga pertolongan bangsanya hendak melihat anak-anak mereka mendapat pelajaran yang tinggi.

Pengambilan murid-murid yang bukan bumiputra oleh institusi-institusi tempatan ini amat terbatas atau terhad jika dibandingkan dengan angka yang berhak memasukinya dan angka ini meningkat tahun demi tahun. Dengan tertutupnya pintu-pintu di universiti-universiti tempatan kita pemohon-pemohon terpaksa mendapatkan pelajaran tinggi di luar negeri. Saya tidak dapat nafikan bahawa adalah lebih murah mempelajari di negeri kita sendiri daripada menuntut di luar negeri. Murid-murid yang ibubapanya kaya, berkemampuanlah menghantar anak-anak mereka ke luar negeri tetapi murid-murid kita mendapati amat sukar sekali untuk memasuki universiti-universiti luar negeri. Bagi setengah-setengah universiti luar negeri pihak

ibubapa kena menunjukkan kenyataan cukai pendapatan empat angka sebelum murid-murid diberikan visa untuk pergi belajar. Apakah kedudukan murid-murid yang ibubapanya tidak berada seperti itu? Murid-murid itu tidak boleh memasuki ke universiti-universiti kita oleh sebab kemasukan berdasarkan quota dan mereka tidak dapat pergi belajar di luar negeri kerana walaupun ibubapanya berkemampuan menyara mereka kekurangan kebolehan kewangan. Tidakkah kita membesarkan sebahagian dari warganegara kita yang mana walaupun berkebolehan ditahan dari mendapat pelajaran di universiti. Adakah merengankan sekiranya murid-murid dan ibubapanya membangkang atau menuntut keputusan buat selama-lamanya? Jika kita hendak membina Malaysia yang lebih berbahagia dan bersatu padu dan mahu mewujudkan satu masyarakat yang berbilang kaum atau toleransi dan berfaham bebas atau liberal dan mempunyai nilai-nilai akhlaknya yang terbaik seperti yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, saya berharap dengan ikhlasnya bahawa pihak Kerajaan akan mengambil langkah yang serius atau bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan masalah-masalah pengajian tinggi bagi lain-lain kaum sebelum perkara ini tidak dapat dikawal.

Sekarang saya menyentuh mengenai peluang-peluang pekerjaan. Menurut Rancangan Malaysia Ketiga, matlamat mewujudkan pekerjaan ialah 3.5% satu tahun, tahun lalu 3.3% lebih pekerjaan telah diwujudkan dan ada petunjuk-petunjuk bahawa pada tahun ini tidak akan ada perubahan yang berkesan. Kita selalu membaca di dalam suratkhobar yang Kerajaan kita berkehendakkan banyak sekali pegawai-pegawai ikhtisas, khususnya dalam lapangan kejuruteraan oleh sebab hendak melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga. Kebetulan pula pegawai-pegawai dari Kementerian Kerjaya telah-pun menyatakan yang mereka hendak pergi keluar negeri untuk mendapatkan jurutera-jurutera dari Bangladesh. Sebaliknya baru-baru ini saya telah membaca dalam suratkhobar yang menyatakan bahawa Pengerusi Institusi Jurutera-jurutera telah pinta Kerajaan supaya menyemak masalah-masalah jurutera yang menganggur dan sekarang menjadi pesara. Saya berharap Kerajaan akan meneliti masalah ini sebagai kata pepatah: Kera di hutan disusui, anak di

rumah kelaparan atau dalam bahasa Inggeris, "Charity begins at home". Kita patut memberi perhatian kepada jurutera-jurutera kita yang menganggur, mereka ialah warganegara kita daripada pergi keluar negeri untuk mengusahakan pengambilan jurutera-jurutera.

Nampaknya ganjil sekali dan pelik iaitu setelah melabur sebegitu banyak ke atas warganegara kita sendiri mereka tidak mendapat kerja di dalam negaranya sendiri, sebaliknya Kerajaan kita memberi pekerjaan kepada orang luar. Kita juga sering kali mendengar yang Kerajaan kita mengambil pulang anak-anak kita di luar negeri untuk berkhidmat kepada negara, maka dalam pada itu kita juga sering mendengar daripada graduates dari luar negeri bahawa setelah kembali ke tanahair mereka tidak mendapat pekerjaan. Bolehkah kita mengatakan mereka tidak taat setia jika mereka tidak kembali ke tanahair. Inilah masalah-masalah yang berkehendak tindakan segera yang Kerajaan mesti memberi perhatian jika kita mahu sebuah Kerajaan yang kukuh atau stabil dan makmur.

5.48 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan menyokong usul untuk Belanjawan Negara yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 20 hari-bulan yang lepas yang memakan masa satu jam lebih yang saya yakin diikuti ucapan itu oleh seluruh negara melalui TV.

Saya percaya daripada apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu adalah satu Belanjawan yang merasa lega dan lapang kepada seluruh rakyat kerana rakyat hari ini mereka amat takut kalau-kalau datang satu Belanjawan bagi tiap-tiap tahun dengan kenaikan berbagai-bagai-cukai. Tetapi pada tahun ini sesudahnya kita mendapat kemenangan dalam pilihanraya pada 8hb Julai yang lalu rupanya kita ini sebagai satu Kerajaan yang amat bersyukur kepada Tuhan dan tidak menunjukkan sikap sombong di kala kita boleh sombong. Bererti kata saya kerana pilihanraya itu masih sekurang-kurangnya 4 atau 5 tahun lagi, pendek kata seperti kata orang: pisau di tangan kita, mentimun di tangan kita kerana masih jauh kita hendak

menawan hati rakyat, tetapi sikap jujur yang ada pada Kerajaan hari ini saya sebagai salah seorang rakyat warganegara Malaysia amat berbangga. Daripada tiap-tiap ramalan yang saya dengar apa yang diucapkan oleh rakyat, mereka juga bersyukur di atas sikap Kerajaan yang mereka pilih pada masa sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya tidak dengar kesemua sekali tetapi apa yang saya dengar permulaan yang diucapkan oleh Pembangkang tadi, kadang-kadang datang dua tiga perasaan kepada saya. Satu, perasaan kalau hendak ketawa atau gelak, amatlah pelik, tetapi kita rasa. Yang kedua, hendak kita marah tidak patut marah, kerana kita demokrasi. Yang ketiga, ambil satu sikap dan saya percaya Tuan Yang di-Pertua setuju, inilah kata orang, kalau dikata musuh tadi walau bagaimana baik apa yang kita buat pun, ada sebab dicari perkara yang tidak baik dan kita tidak nafikan sebaik-baik satu perkara yang kita buat, walau badan kita sihat dan bagaimana cantik sekalipun, kadang-kadang ada juga cacatnya sedikit dan kadang-kadang kecacatan tanda tahi lalat itu menambahkan cantik pada seseorang itu lagi, tetapi tabiat manusia, saya yakin selicin-licin badan, tidak ada satu badan yang tidak ada bertanda. Ini sudah adat Tuhan jadikan. Kadang-kadang dengan tanda itu menambahkan cantik lagi. Tetapi sikap Pembangkang yang kita sama-sama dengannya hari ini, begitu banyak disambut oleh rakyat dengan begitu baik akan Belanjawan yang dibentangkan pada 20hb yang lepas, tetapi Pembangkang mengatakan tidak baik lagi. Inilah yang saya hairan dan ajaib atas sikap ini. Walau bagaimana saya katakan tadi sikap Pembangkang tetap Pembangkang, buatlah apapun tetapi dikatakan tidak baik, Kalau putih barangkali dikatakan putih itu bersih sangat, tidak nampak nombor dan sebagainya, kalau hitam diapun hentam, tenggelam katanya, jadi kalau kita buat pun ada sahaja salahnya. Sebagaimana saya katakan tadi kalau Pembangkang tetap dikatakan Pembangkang, tetapi kita cuba kerana sikap demokrasi kita, berbaik-baik, jumpa di luar Dewan hormat menghormati. Itulah sikap kita sesama manusia. Jikalau hendak ditunggu mereka menyokong apa yang kita buat baru hendak mengakui kita ini Kerajaan yang baik, saya ingat sampai kiamat pun tidak boleh.

Satu lagi sikap penjual. Penjual ini pun, kalaulah di masa yang lepas tahun 1978 dan yang terdahulu daripada itu, kalau Kerajaan menaikkan satu-satu cukai maka esoknya tetaplah penjual-penjual dengan serta-merta menaikkan harga barang, mengatakan telah diumumkan oleh Menteri Kewangan semalam ataupun kelmarin, itulah sikap pekedai-pekedai. Tetapi, tahun ini berbalik. Misalnya bila seorang pengguna datang membeli di kedai yang berkenaan juga. Katalah di tahun lepas barang itu juga dia beli dengan harga yang murah, sepatutnya tidak patut dinaikkan cukainya lagi kerana masanya tidak sampai, tetapi dengan kerana pengumuman cukai petang kelmarin atau petang semalam, maka esoknya dia dengan serta-merta menaikkan barangnya. Tetapi sebaliknya, sebagaimana saya katakan pada tahun ini, dia kata barangnya ada dan sudah dibeli dengan harga mahal maka ia tidak boleh diturunkan lagi. Begitulah sikap pekedai. Jadi, pekedai ini seperti kata orang, naikpun dia kena, turunpun dia kena. Kesemuanya kena selalu. Saya harap pada Kerajaan supaya mengkaji perkara ini.

Begitu juga di segi cukai. Kita berasa syukur kepada Tuhan dan berterima kasih kepada Kerajaan kita yang pada tahun ini sebagaimana dikatakan cukai tidak dinaikkan. Cukai pendapatan dinaikkan sedikit kadarnya, walaupun tidak banyak tetapi dinaikkan sedikit, tetapi saya berpendapat kalau boleh Menteri Kewangan menimbangkan dan menaikkan lagi daripada had yang telah dinaikkan kerana maklumlah kedudukan kewangan hari ini, walaupun negara kita kalau dibandingkan dengan negara-negara luar, ekonominya amat baik, keadaan inflasi boleh dikatakan baik, tetapi kalau dibandingkan dengan apa yang ditetapkan oleh cukai sepuluh tahun yang lepas kalau dapat dinaikkan cukainya sedikit, tidaklah begitu berpatutan lagi. Patutlah ditambah sampai \$4,000 baru dikecualikan, tidak payah membayar cukai kerana memandangkan keadaan harga ini amatlah tinggi, walaupun kalau hendak dibandingkan dengan negara luar kita amat baik, tetapi kalau dibandingkan dengan apa yang dibuat di masa sepuluh tahun yang lepas dengan apa yang ditetapkan sekarang, patutlah dinaikkan pada taraf yang lebih tinggi sebagaimana yang dikatakan oleh Menteri Kewangan pada 20hb yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan khususnya kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian yang kerap kali melawat luar negeri, kadang-kadang terpaksa meninggalkan rumahtangga kerana tujuannya tidak lain dan tidak bukan, saya percaya untuk mencari pelabur-pelabur asing dari luar negeri untuk melabur dalam negeri kita dengan sebanyak-banyak yang boleh. Di atas niat beliau itu, kita ucapkan terima kasih. Tetapi saya hairan, bila saya bercakap berkenaan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, khususnya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang selalu terpaksa melawat luar negeri, saya hairan adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri ataupun Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri yang melawat luar negeri, barulah pelabur-pelabur yang ada di negeri lain itu hendak datang ke Malaysia dan menanam modal di sini. Apakah kerja duta kita di sana, sehingga terpaksa Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian dan Menteri Kewangan selalu meninggalkan negara, walhal dalam negeri pun masih banyak tugasnya yang patut dibuat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak apalah meninggalkan rumahtangganya! (*Ketawa*)

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Yang paling sedihnya, Tuan Yang di-Pertua, saya yakin Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian itu bukannya selalu melawat berdua-duaan, ia melawat atas tugasnya, kerap kali saya tengok dan saya yakin dia seorang sahaja kerana dari apa yang dilawat oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian itu selalu kita dengar laporan TV dan sebagainya tidak disebut isterinya pergi bersama ke sana, tetapi atas sifatnya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian yang tugas ataupun tujuan dan matlamat untuk memaklumkan kepada rakyat Malaysia yang dia sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian Malaysia dia sanggup pergi, itu kita ucap

syabas dan terima kasih. Tetapi saya hendak bertanya apakah yang dibuat oleh duta-duta kita? Tidakkah boleh duta-duta kita itu memberitahu darihal kedudukan tanahair, negara Malaysia kita? Yang saya hairan, kalau tidak silap satu ketika di tempat lain, saya telah bercakap dan Tuan Yang di-Pertua pun kalau tidak silap ada sama, saya sungguh sedih bila saya mendengar salah seorang daripada Menteri-menteri yang datang melawat negara Malaysia, beberapa bulan yang lepas, telah memberi derma, khususnya kepada sekolah-sekolah yang berunsurkan agama Islam, seperti di Perlis Pejabat Ugama Asasi, Sekolah Ugama Islam dan sebagainya. Kalau tidak silap saya 8,000 dollar Amerika dan lebih daripada \$10,000 wang Malaysia telah didermakan, kita bersyukur kepada Tuhan. Tetapi yang menyedihkan, bila dia melawat ke sini, dia telah menyatakan yang negara tuan-tuan amatlah baik, keadaan masyarakatnya bagus, rakyatnya bersopan-santun dan boleh dikatakan molek-molek, putih tidak putih sangat, hitam tidak hitam sangat, boleh dikatakan semua baik, kedudukan tanahairnya pun bagus, sungai ke sana, sungai ke sini.

Di dalam Quran Tuhan berjanji siapa yang buat baik akan dibalas baik. Selain dari itu mengalir sungai-sungai di bawah syurga. Jadi saya fahamlah sangat yang kerap kali dalam Quran dikatakan sungai mengalir di sana sini. Kita fahamlah setengah negara khasnya negara Arab sungai itu jarang ada, kalau adapun Sungai Nile, tetapi payah hendak pergi, sebab itu orang berhajat hendak pergi ke sana sebab mereka duduk jauh daripada sungai. Dan pokok-pokok indah macam negara kita pokok hijau sebab dengan warna hijau itu, tenang sahaja perasaan. Jadi dengan sebab itulah kata Mufti berkenaan negara barat setelah melawat atau melancung dengan mengeluarkan berpuluh-puluh ribu ringgit wang kerana melancung ke satu-satu tempat atau negeri yang hawanya baik macam negeri kita, khasnya orang Arab sendiri kata Mufti itu telah mengeluarkan wang kalau tak silap tak kurang daripada 40,000 dollar untuk melancung ke negeri barat yang keadaannya ada sebagaimana di negara kita. Alangkah moleknnya kata Sheikh itu, kalaulah duta-duta kita yang ada di tempat-tempat itu melaporkan apa yang ada di Malaysia maka

dengan itu negara kita boleh dilawati pelancung sebagaimana saya katakan tadi membawa tiga maksud yang baik. Satu kita mendapatkan kewangan yang lebih banyak dan kedua menjadikan persahabatan kita lebih baik lagi. Tetapi yang kita dengar hari ini sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Semerah dalam ucapan Titah Diraja beberapa hari lepas yang bercakap dengan Firman dan Hadis, saya pun terpegun mendengarnya. Tuduhan orang luar mengatakan rakyat kita macam kera walhal rakyat Malaysia bukan kera, walaupun kita tahu kera atau monyet memang ada di Malaysia tetapi yang dikatakan kera itu bukan kepada monyet barangkali kepada rakyat termasuk kita semua, itu dianggap oleh setengah negara-negara luar.

Dengan sebab itu saya berharap sangat supaya duta-duta tadi tolonglah ambil berat menjalankan tugas dan bagi tahu kedudukan negara kita dengan sebenarnya. Kalaulah satu-satu duta itu, saya minta jauhkan sekali kerana buat kerja macam itu, Tuhan marah, saya tak mahu. Tetapi saya berharap kalaulah hendak hantar duta itu ke satu-satu negara janganlah sesudah orang itu dalam Malaysia ini tak ketahuan hendak dibagi apa jawatan akhirnya tak ada benda hendak dibuat, dibagi jawatan duta. Saya tak mahu jawatan itu kerana saya pun tak pandai, tetapi saya berharap sebagaimana kata pepatah, belakang parang pun kalau diasah lagikan tajam, inikan pula manusia. Kalau mahu seribu daya, boleh belajar. Satu perkara kita harap, sesiapa yang menjadi duta itu patut ambil tahu kedudukan tanahairnya sendiri dan saya fikir ilmu pelajaran itu wajib juga tetapi yang lebih wajib biarlah dia ada semangat hendak bagi tahu kedudukan negara yang sebenarnya. Tetapi yang kita berasa sedih ada duta-duta yang saya biasa dengar terdiri dari rakyat yang tak begitu taat setia, bila dia pergi ke satu-satu negara dia tidak bagi tahu kedudukan negara yang sebenarnya, apa yang ada di dalam Malaysia. Kadang-kadang dia caci balik Malaysia. Itu biasa kita dengar. Sebab itu saya berharap bila kita hendak hantar duta-duta atau pegawai kedutaan, biarlah betul-betul rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dan kasih kepada negaranya. Janganlah jadi seperti setengah rakyat yang ada dalam negara kita iaitu sepatutnya sebagaimana kata pepatah di mana bumi kita pijak di situlah patut langit kita junjung, tetapi ada manusia yang duduk

dalam Malaysia hanya untuk mencari kekayaan, untuk mencari sokongan, untuk mencari pangkat, taat setianya berbelah bagi di sini. Itu patut kita kaji dengan mendalamnya.

Di samping itu sesudah dia bekerja kuat sebagaimana Menteri Perdagangan yang saya katakan tadi bahawa Timbalan Perdana Menteri dengan membawa pelabur begitu banyak, saya berharap sangat janganlah segala perindustrian ditumpukan di Shah Alam dan Kuala Lumpur sahaja. Pendek kata hanya dalam bandar. Bukanlah saya hendak dengki kepada Selangor. Manusia itu kalau banyak duduk di satu tempat di situlah ada berbagai kilang dan sebagainya, timbul seribu satu macam kesesakan, timbul kesesakan lalu lintas kerana manusia terlampau banyak macam di Kuala Lumpur. Kemudian bila manusia terlampau banyak keadaan alam di Kuala Lumpur jadi buruk tetapi oleh kerana Dewan Rakyat ada di sini terpaksa kita datang juga. Tetapi kalau hendak dibandingkan dengan cuaca dan hawa Kuala Lumpur dengan tempat di tepi bukit, tak ramai penduduk, kedudukan tempat itu tentu lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua: Seperti di mana?

Tuan Shaari bin Jusoh: Seperti di Perlis, Langkawi dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sangat-sangat industri-industri yang akan diadakan itu patutlah juga diadakan di kawasan luar bandar termasuklah Perlis, Trengganu, Kedah dan sebagainya terutama negeri yang kurang maju dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, seboleh-bolehnya carilah satu industri yang menggunakan bahan-bahan tempatan. Industri seperti itu patut diutamakan dan juga industri yang dapat mengambil pekerja dengan banyak.

Saya ada membaca laporan ekonomi kita serba sedikit, keadaan ekonomi kita bertambah baik, industri kita bertambah banyak, tetapi kedudukan pekerja buruh keadaannya bertambah kurang kerana industri banyak memakai jentera moden dan sebagainya. Jadi saya tak mahu melawan proses kemajuan kerana kemajuan sains dan teknologi kita hendak pakai seberapa cepat yang boleh, tetapi kita mengadakan kilang itu, pada pendapat saya, tujuan kita membawa pelabur asing masuk ke Malaysia kerana dua tiga tujuan besar.

Saya masih ingat lagi ucapan Timbalan Perdana Menteri ketika beliau baru-baru menjadi Timbalan Perdana Menteri dan membuka sebuah kilang mungkin di negeri Kedah dekat Tikam Batu, kira-kira dua tahun yang lepas. Dua hari yang lalu pula saya mengikuti ucapan Timbalan Perdana Menteri, saya amat tertarik kerana beliau mengatakan ada di antara orang-orang yang tidak bertanggungjawab yang menentang kemasukan pelabur-pelabur asing untuk membuka industri di sini atau melabur di sini tetapi mereka tidak tahu, kalaulah tidak ada pelabur-pelabur asing, tidak ada industri-industri maka di situ muncullah berbagai ragam manusia menjadi penganggur kerana tidak ada tempat hendak ditempatkan mereka itu bekerja. Jadi fahamlah saya dengan apa yang diucapkan oleh Timbalan Perdana Menteri tadi, bukanlah maksud kita mengadakan industri itu semata-mata untuk mengadakan industri untuk carikan wang sahaja, tetapi juga berbagai problem kita akan selesaikan. Satu daripadanya untuk memberikan pekerjaan yang mana banyak orang-orang kita yang tak ada pekerjaan, yang menganggur untuk bekerja di dalam industri-industri yang dikatakan tadi. Maka dengan itu sebagaimana saya tegaskan tadi, patutlah industri itu diadakan lebih banyak di luar bandar dan carilah industri yang menggunakan bahan-bahan tempatan misalnya jerami padi yang boleh dibuat baja, buat kertas dan sebagainya, tak payah impot daripada luar negeri.

Saya sendiri tengok sangat sedikit barang-barang yang kita eksport tetapi terlampau banyak yang kita impot. Saya berpendapat kalaulah ada bahan-bahan yang kita boleh ikhtiar mengadakan industri yang menggunakan bahan-bahan tempatan maka itulah yang patut diutamakan dahulu. Dan juga saya berharap di Padang Besar biasa berlaku bila dekat dengan hari perayaan khasnya bulan Puasa, biasanya 100 buah bas datang daripada Ulu Perak, Kedah dan sebagainya melancung ke Padang Besar, pekan di sebelah Siam dan saya percaya kalaulah ada 100 buah bas yang sebuah bas tidak kurang 40 orang, kalau seorang membeli \$10 sebuah bas sudah jadi \$400. Seorang bukan membeli tetap \$10 tetapi tak kurang daripada \$20. Jadi pada satu hari amatlah banyak perbelanjaan yang dikeluarkan oleh pelancung-pelancung tadi di pekan Padang Besar. Tetapi yang amat mendukacitakan, pekan Padang Besar tadi walaupun berhampiran dengan

Perlis bukan dalam negeri Perlis tetapi pekan sempadan di sebelah Siam. Amatlah bangga saya kalaulah boleh Kerajaan mengadakan satu perdagangan bebas di dalam kawasan pekan Padang Besar di sebelah Malaysia. Saya berpendapat ini amatlah baik untuk mengukuhkan kewangan kita di Malaysia, keamanan pun baik, kawalan pun boleh kita adakan. Jadi kita adakan di sebelah Malaysia. Itulah harapan saya kepada Kementerian yang berkenaan mengadakan satu perdagangan bebas di sebelah Malaysia yang berhampiran dengan Padang Besar. Tanah sudah ada, lebih-lebih lagi kita boleh kawal kerana pagar yang sedang dibuat oleh Kerajaan sudah hampir siap.

Saya dengar berita kadang-kadang di-gunting. Kata orang pagar lembu dan kerbau dengan tali, manusia dengan kata-kata. Jadi kita harap pagar yang telah dibuat dijaga dengan teliti supaya hasil kita bertambah banyak. Kerana saya dapat tahu kalau di-pagar dan dijaga dengan baik kita boleh dapat keselamatan yang baik dan kewangan kita bertambah banyak. Setahu saya kalau tak silap sebelum UPP ada di Padang Besar khususnya di Perlis dan berbagai-bagai unit lagi ada baru-baru ini, kemasukan wang, kalau tak silap saya, di Padang Besar dikatakan sebanyak \$400,000. Kalau hendak dibanding dengan dahulu daripada adanya pasukan UPP tak sampai \$12,000. Tetapi tak tahulah sudah lama barangkali UPP sudah kenal semua orang, kemasukan wang di sana sudah menurun balik. Saya pun tak bertanya. Begitulah kedudukannya sebelum itu amat menurun, bila UPP datang selepas sebulan atau dua bulan kedudukan kewangannya amat banyak di Padang Besar.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik saya kepada rancangan-rancangan yang ada pada hari ini. Kerajaan kita telah mengeluarkan wang yang begitu banyak untuk mengadakan berbagai-bagai pembangunan tetapi sebagaimana saya katakan dalam Titah Ucapan Di-Raja pada hari yang lepas biasa berlaku wang itu dihantar balik, bila cukup tempoh pada bulan duabelas atau pertengahan bulan duabelas wang tersebut hendaklah dihantar balik ke Kuala Lumpur, terpaksa diminta balik untuk menyambung tahun yang akan datang bulan dua atau bulan tiga baru dibuat balik. Perkara ini yang tak boleh dijalankan kerana

dua sebab. Satu, pegawainya tak cukup, tambah lagi pegawai, terutamanya di Pejabat-pejabat Tanah. Kita tahu Pejabat Tanah, Pejabat Agama adalah di bawah Kerajaan Negeri, tetapi kita tak nafi tentu ada penye-larasan baikpun Pejabat Agama sebab itu ada Menteri ataupun Majlis Hal Ehwal Agama Kebangsaan, begitu juga Pejabat Tanah, ada Menteri Tanah dan Wilayah yang selalu dipanggil Pengarah-pengarah Tanah Negeri-negeri yang berkenaan untuk berunding bertukar fikiran menyelaraskan.

Kita percaya kalaulah tak dapat menye-laraskan negeri-negeri dan Persekutuan kita tidak dapat jalan dengan licin, kerana kerja itu terpaksa ada jangkit-menjangkit. Misalnya Kementerian Pelajaran hendak membina satu sekolah, itu hak Kerajaan Pusat di bawah Menteri Pelajaran. Begitu juga hendak buat berbagai-bagai bangunan polis dan sebagainya, tetapi tanah hak Kerajaan Negeri. Begitulah kita dengar berlaku beberapa tahun lepas yang payah hendak jadi satu-satu bangunan seperti di Kelantan. Kerajaan Persekutuan hendak mendirikan satu bangunan tetapi bila hendak cari tempat kerana tiap-tiap tempat mesti ada tanah, sebab itulah harga tanah hari ini terlampau tinggi. Bagaimana cantik bangunan dia tidak boleh duduk di atas awang-awangan, kalau cerita lampu ajaib boleh duduk atas awang-awangan. Kalau bangunan yang hendak dibuat oleh manusia mesti ada tanah. Tanah ini kuasa Kerajaan Negeri. Dengan sebab itu saya harap sangat dua perkara. Satu, cari jalan menyelaraskan di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri khususnya berkenaan dengan tanah. Kedua, kalaulah didapati pejabat atau pegawai tidak cukup, ikhtiarkan. Apa ertinya kita hantar wang yang banyak bila sampai masa hendak buat tak boleh buat, salah satu sebab kerana tanah tak selesai, masa sudah cukup hantar balik wang. Tetapi masalah pertama tanah, yang kedua pegawai, bukan Pejabat Tanah sahaja tetapi semua pejabat. Saya biasa dengar aduan tetapi ini bukan semua pegawai, ada setengah daripada pegawai. Ada di antara pegawai-pegawai Kerajaan bila satu urusan orang kampung berjumpa di Pejabat Tanah dan sebagainya, hamba Allah itu selekeh sedikit, tak berpakaian "special", cara orang kampung dan tak tahu bercakap Inggeris. Dia buat hirau tak hirau kalau boleh ubahkanlah sikap ini. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini

ada berlaku. Saya tak nafikan apa yang dituduh oleh setengah orang, ini amat tepat, buktinya saya sendiri. Kadang-kadang dalam masa seminit dua sikap mereka boleh bertukar, tergelak saya. Kadang-kadang saya hendak tunjukkan yang saya ini Ahli Parlimen. Saya tunjukkan kad, katanya, "Yang Berhormat sila duduk". Dengan otomatik dia ubah sikap. Jikalau begitu, kalau bukan "Yang Berhormat" bukan Wakil Rakyat, bukan speaking, bukan pandai, kita tak hairan; ini ada berlaku di mana-mana pejabat. Dengan sebab itu saya merayu kepada semua pegawai-pegawai Kerajaan, tolonglah simpati kepada orang kampung.

Tuan Yang di-Pertua, satu ketika saya sendiri ucapkan tahniah kepada Ketua Negeri Perlis tetapi bukan Menteri Besar, tak payah saya sebut nama. Walaupun ada orang kata tak baik, tetapi saya cukup setuju. Dalam titah ucapan, macam Titah Ucapan Diraja, katanya, "Wahai tuan-tuan sebagai Pegawai-pegawai Kerajaan, insallah tuan-tuan, berjerjalah kerana rakyat kerana tuan-tuan datang dari rakyat".

Kalaulah hari ini katanya rakyat membayar cukai itu dan ini maka pegawai itu tidak ada, kerana ada pegawai Pejabat Tanah kerana hendak menyelesaikan tanah rakyat. Dengan sebab itu kesihanlah dengan rakyat, kasih kepada rakyat. Janganlah kerja tuan-tuan boleh buat hari ini, tuan-tuan kata datanglah esok. Rakyat hendak datang bukan macam kita pakai motokar, naik bas, kadang-kadang dua tiga kali naik bas, baharu hendak sampai pada satu tempat. Sedekat-dekat di Perlis itu kadang-kadang dua tiga kali naik bas baharu sampai, apalah lagi di tempat lain. Kalau benda yang boleh buat hari ini, selesaikan dahulu. Inilah harapan saya selain daripada dua tiga perkara, satu pejabat tidak cukup, pegawainya tidak cukup, sikap pegawainya, saya merayu patutlah diubah.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap berkenaan dengan pegawai dan kakitangan Kerajaan pangkat kecil sampai ke pangkat besar, kalau tidak silap saya pekerja yang berpangkat kecil mengikut Gaji Kabinet dari \$195 sampai \$265. Saya mengesyur dan mencadangkan apabila didapati seorang pegawai itu sudah layak, kita yakin yang dia boleh buat kerja bagus dan selepas dua tiga tahun sebagai pegawai Kerajaan terus dia mula dengan gaji

\$195 selepas 5 tahun dia bekerja naikkan terus \$295 tak usah nanti sampai berpuluh tahun baharu hendak mati gajinya. Saya mencadangkan, seboleh-bolehnya kalau hendak mengikut peraturan lama, biarlah seberapa cepat dan banyakkannya lagi kenaikan gaji itu supaya lagi lekas, misalnya kalau seorang yang akan mati gajinya sampai umur 40 tahun, biarlah had dia sampai umur 30 tahun mati gajinya supaya dia dapat menanggung keluarganya yang banyak. Janganlah bila gajinya sudah maksima, mengikut umur 40 tahun tidak lama kemudian, dia berpencen.

Tuan Yang di-Pertua, saya menarik perhatian tentang seorang hamba Allah di tempat saya, dia sudah berpencen lama, sampai ke hari ini tidak dapat pencennya. Failnya hilang, rekodnya hilang. Dia hantar kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, salinannya habis dihantar kepada Wakil-wakil Rakyat yang ada dalam negeri Perlis. Dia pergi jumpa doktor, katanya telah dihantar ke Kuala Lumpur. Kuala Lumpur kata fail sudah hilang. Kesihanlah kepada hamba Allah ini. Ini bukanlah semua ada terjadi begitu. Mereka ini juga hendak makan. Dia telah bekerja begitu baik dalam masyarakat, dan apabila telah sampai masanya cukup umur, tentulah ia berkehendakkan pencen untuk saraan keluarganya. Pegawai ini bekerja dalam Pejabat Kesihatan Negeri Perlis. Saya sungguh kasihan kepadanya. Dengan sebab itu, saya berharap, patutlah Kerajaan mengambil berat di atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh berkenaan dengan kemudahan rumah sakit. Saya bersyukur kepada Tuhan dan berterima kasih kepada Kerajaan yang mana selain daripada bangunan sekolah dan sebagainya, Kerajaan telah mengadakan berbagai-bagai bangunan khasnya untuk menjaga kesihatan rakyat sebagai rumah sakit, klinik dan sebagai, apatah lagi di Negeri Perlis boleh kata kalau hendak bandingkan dengan penduduk negeri Perlis, amatlah memuaskan. Tetapi biasa berlaku, ubatnya tidak begitu cukup. Pemeriksaan mata, kalau tidak silap saya seminggu tiga kali. Kalau sudah kita buat bangunan yang begitu baik, biarlah doktor ditambah lagi. Yang paling sedihnya, Tuan Yang di-Pertua, zaman ini ialah zaman "peti sejok" dan perkara ini terpaksa saya tegur. Di Hospital Kangar tidak terdapat bilik sejok di bilik mayat. Di tempat lain, saya tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua, pada 2hb Oktober yang lepas saya telah nyatakan berlakunya peristiwa pelanggaran 9 buah motokar dengan sebab berbagai-bagai perkara yang mengakibatkan tiga atau 4 orang terkorban hari itu juga, disebabkan lori besar. Sesudah tiga empat nyawa terkorban, dibawah ke hospital Kangar. Pihak hospital tidak membenarkan mayat-mayat itu dibawa balik ke rumah. Kalau hendak diambil oleh si waris, pihak Hospital tidak beri kerana akan disiasat dahulu kes yang berlaku, umpamanya yang berkait dengan insuran dan sebagainya, jawabnya tidak serta-merta. Bila tidak serta-merta, tentu banyak kes yang berlaku. Negeri Perlis, walaupun kecil, ia berhampiran dengan Negeri Thai yang mana di sana selalu berlaku penyeludupan di ladang tebu dan sebagainya dan baharu-baharu ini pun kita terbaca dalam akhbar bahawa seorang penyeludup telah kena tembak, dan dibawa ke Hospital Kangar. Kesnya belum selesai maka terpaksa mayat tersebut disimpan di situ. Kalau lebih hadnya tentulah mayat itu berbau busuk. Berbau busuk di Hospital Kangar bila berlaku kejadian sebagaimana saya katakan tadi, maka dengan sebab itu saya merayu kepada Kementerian Kesihatan adakanlah seberapa cepat yang boleh bilik sejuk di bilik mayat di Hospital Kangar dengan seberapa segera. Kesihanlah sangat kepada pekerja-pekerja di negeri Perlis yang selalu menimpa akibat ataupun peristiwa seperti itu.

Kalaulah hospital yang kita sanggup buat begitu banyak dengan harganya berjuta-juta ringgit, biarlah pegawai yang dibawahnya berdisiplin, sopan santun di samping dapat memberi ubat-ubat yang cukup. Kita tahu salah satu daripada ubat, manusia ini ialah ubat jiwa. Kadang-kadang biasa kita dengar seorang itu mati bila dia dengar Muhammad Ali (ahli tinju) kalah. Apa penyakit Muhammad Ali dengan hal ini? Ini oleh kerana dia ada satu penyakit lemah jantung, bila dia dengar satu benda yang dia tak suka; umpamanya Muhammad Ali kalah dalam

pertarungan tinju sedunia. Walaupun Muhammad Ali bukan rakyat Malaysia, tetapi kerana kita dengar nama Muhammad Ali, sudah tetaplah dia itu Islam. Maka saya percaya tidak payah ditanya kalaulah seorang itu mati kerana penyakit lemah jantung, bila Muhammad Ali kalah, siapa hamba Allah itu, tentulah Muhammad Ali. Jadi, faham kita di sini, Tuan Yang di-Pertua, ubat bagi manusia selain daripada ubat yang membawa segala penyakit segi sopan santun juga adalah satu ubat yang amat mustahak kepada manusia.

Kalau pergi ke hospital, ada setengah kakitangan yang saya katakan tadi kakitangan ini bukan semua, dalam Pejabat Tanah, Pejabat Kerja Raya, Hospital, janganlah ada perasaan yang semacam ini. Saya berharap sangat kepada Kementerian Kesihatan selain daripada kursus-kursus biasa yang wajib sebagai seorang pekerja di dalam rumah sakit, adakan kursus tata-tertib, adakanlah kursus bertimbang rasa, yang dia hendak berubat orang sakit. Janganlah bercakap dengan orang sakit itu kita pandang memandang. Kalau orang yang sakit itu golongan yang baik, golongan yang berpangkat, kita rai dengan baik. Kalau datang seorang hamba Allah dari kampung ke rumah sakit, kerjanya tidak ada, pendapatannya kurang, dibuat acoh tak acoh sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi hendak bercakap?

Tuan Shaari bin Jusoh: Ada lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh sambung lagi esok. Mesyuarat ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 24hb Oktober, 1978.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.